

Jabatan Antropologi dan Sosiologi

No. Klas:

No Perolehan:

Tarikh:

PANDANGAN AKHBAR-AKHBAR CINA
TEMPATAN TERHADAP IMEJ DAN
KEPIMPINAN LIM KIT SIANG

CHONG SIEW KIAW
No. Matrik: 059291

Latihan Ilmiah
Bagi Memenuhi Sebahagian
Daripada Syarat-Syarat Untuk
Ijazah Sarjana Muda Sastera

Jabatan Antropologi dan Sosiologi
Universiti Malaya
59100 Kuala Lumpur

Sesi 1993/94

KANDUNGAN

	<u>Muka Surat</u>
Penghargaan	i
Organisasi Penulisan	ii - iii

BAB I : PENDAHULUAN

1.1	Masalah Kajian	1 - 5
1.2	Tujuan dan Bidang Kajian	6 - 7
1.3	Kepentingan dan Sumbangan Kajian	8
1.4	Kaedah Kajian	
1.4.1	Penyelidikan Perpustakaan	9 - 10
1.4.2	Temubual	11
1.5	Kesulitan Pengumpulan Bahan	12 - 13

BAB II : POLITIK DAN KEPIMPINAN CINA MALAYSIA

2.1	Keadaan Politik Cina di Malaysia	14 - 19
2.2	Tokoh-tokoh Masyarakat Cina	
2.2.1	Tun Sir Tan Cheng Lock	19 - 23
2.2.2	Tun Tan Siew Sin	24 - 29
2.2.3	Tan Sri Dr. Tan Chee Khoon	30 - 36
2.2.4	Tun Dr. Lim Chong Eu	36 - 42

Muka Surat

BAB III : KEDUDUKAN PARTI PEMBANGKANG :
DAP DAN LIM KIT SIANG SECARA UMUM

3.1	Peranan Pembangkang Dalam Negara Demokrasi	43 - 47
3.2	Sejarah DAP (Parti Tindakan Demokratik)	47 - 51
3.3	Pengenalan Ringkas Lim Kit Siang	51 - 57

BAB IV : LIM KIT SIANG DALAM POLITIK DAP

4.1	Pengenalan	58 - 61
4.2	Isu Pemecatan Chan Teck Chan	61 - 66
4.3	Krisis Perletakan Jawatan Lee Lam Thye 1990	66 - 72

BAB V : LIM KIT SIANG SEBAGAI PEMIMPIN PEMBANGKANG

5.1	Isu Berkaitan Dengan Masyarakat Malaysia	
5.1.1	Konsep <i>Malaysia Untuk Semua Rakyat Malaysia</i>	73 - 76
5.1.2	Isu Lebuhraya Utara-Selatan	76 - 79
5.2	Isu Berkaitan Dengan Masyarakat Cina	
5.2.1	Isu Bukit China	80 - 84
5.2.2	Isu Koperasi Pengambilan Deposit (KPD)	84 - 86
5.3	Isu Berkaitan Dengan Masyarakat India	
5.3.1	Isu Maika Holdings-Telekom Malaysia	86 - 90
5.3.2	Isu Videotape Lucah Vijandran	91 - 95

Mukasurat

BAB VI : TEMUBUAL DENGAN LIM KIT SIANG 96 - 109

BAB VII : KESIMPULAN 110 - 113

Bibliografi

Dalam penulisan ini, penulis menggunakan sumber-sumber yang berasal dari berbagai sumber. Selain itu, juga singgah menyertakan sumber-sumber yang tidak dapat dikenali dan diambil di sini. Selain itu, berdasarkan hasil penelitian yang telah dilakukan oleh penulis, masih banyak sumber-sumber lain yang belum dikenali dan belum dituliskan.

Cheng See Lee

JALAN ANGKUNGAN 8
TUNKU ABDUL RAHMAN
KUALA LUMPUR
2000, MELAKA, 1998.

PENGHARGAAN

Terlebih dahulu, saya ingin mengucapkan ribuan terimakasih kepada penyelia atau pembimbing saya, Dr. Hussain Mohamed yang tidak jemu-jemu memperkemas persembahan, stail dan cara menyusun idea saya dalam usaha menyiapkan latihan ilmiah ini, biarpun tidak semua nasihatnya saya manfaatkan. Selain itu, juga ingin saya ucapkan ribuan terimakasih kepada kakak saya yang sudi menaipkan latihan ilmiah ini. Tidaklah dapat saya ungkapkan di sini betapa saya hargai sokongan moral dan kewangan yang telah diberi oleh ibu dan kakak-kakak sepanjang pengajian saya ini.

Terima kasih pun seratakan penulis buku ini kepada ahli politik Cina di Malaysia dan teknokrat yang bertaraf tinggi yang mengisi buku ini, Chong Siew Kiaw, Tan Liow Siong, Tan Chee Choon dan Lee Wong Boon.

Beliau tu turut juga membantu ahli penulisan buku ini dengan memberikan maklumat dan maklumat tentang politik Cina di Malaysia dan teknokrat yang bertaraf tinggi yang mengisi buku ini, Chong Siew Kiaw, Tan Liow Siong, Tan Chee Choon dan Lee Wong Boon.

Chong Siew Kiaw

Jabatan Antropologi & Sosiologi
Universiti Malaya
Kuala Lumpur
24hb. Disember, 1993.

ORGANISASI PENULISAN

Kajian ini bertujuan untuk melihat apakah sikap dan pandangan akhbar Cina tempatan terhadap imej dan kepimpinan Lim Kit Siang, pemimpin pembangkang yang begitu popular dalam arena politik Malaysia.

Dalam bab pertama, tujuan dan bidang kajian, kepentingan kajian, kaedah kajian dan masalah kajian akan dibincangkan. Sehubungan dengan masalah kajian, peranan, kepentingan dan kebebasan akhbar di Malaysia juga akan dibincangkan.

Bab kedua pula memuatkan pemerihalan tentang keadaan politik Cina di Malaysia dan tokoh-tokoh masyarakat Cina yang unggul, iaitu Tan Cheng Lock, Tan Siew Sin, Tan Chee Khoon dan Lim Chong Eu.

Dalam bab ketiga pula, saya akan menghuraikan kedudukan parti pembangkang dalam negara demokrasi, sejarah dan pengenalan ringkas Parti Tindakan Demokratik (DAP) dan pemimpin utamanya, Lim Kit Siang.

Dalam bab keempat, saya akan menganalisa pandangan dan sikap akhbar Cina tempatan terhadap Lim Kit Siang yang menjadi sasaran kritikan utama dalam hampir semua hal perletakan jawatan anggota Parti DAP atau krisis dalaman parti.

Bab kelima pula ditumpukan pada analisis terhadap ulasan akbar Cina tempatan terhadap Lim Kit Siang sebagai Ketua Pembangkang di dalam dan di luar Parlimen yang telah membangkitkan berbagai isu yang berkait-rapat dengan masyarakat Malaysia. Perbincangan dalam bab ini akan dibahagikan kepada tiga bahagian iaitu isu berkaitan dengan masyarakat Malaysia, isu berkaitan dengan masyarakat Cina dan isu berkaitan dengan masyarakat India.

Dalam bab keenam, hasil temubual langsung dengan Lim Kit Siang yang telah dijalankan oleh penulis akan dimuatkan dalam bab ini.

Kesimpulan terhadap analisis yang telah ditulis dalam latihan ini dimuatkan dalam bab ketujuh.

To make certain now about the responsibilities and functions of the relay, and to make the relay fully more familiar with demands which is suppose to effect the line between the voters and the relay."

Abdul Razak, "Relay, Dinas dan Politik Selangor: Sebuah Analisis Terhadap Isu dan Permasalahan", *Jurnal Sosial Politik Selangor*, 2010-4, Universiti Malaya, Kuala Lumpur, 1982, hal. 10.

Urgent Call to Assist Dr. Mahathir (P), A. Razak (Pen) i
Bantuan dan Dukungan Dr. Mahathir dan Penida, Kuala Lumpur, 1997, file no. iii

BAB I

PENDAHULUAN

1.1 Masalah Kajian

Suratkhabar merupakan alat sebaran am yang paling murah dan mudah dalam menyebar berita dan memberi maklumat kepada umum dengan cepat dan meluas. Akhbar memainkan peranan penting dalam menyampaikan maklumat dan maklumbalas di antara berbagai pihak yang menjadi pembacanya, terutamanya di antara pihak pemerintah dengan pihak yang diperintah. Di sini, akhbar bagi pihak pemerintah adalah berperanan untuk menghebahkan segala rancangan, keputusan dan dasar awam; sementara bagi rakyat yang diperintah pula, akhbar menjadi sumber segala maklumat mengenai pentadbiran kerajaan, menyatakan perasaan, kritikan dan pendapat mereka kepada pihak berkuasa.¹ Dengan itu, akhbar berperanan untuk:

To make rulers know about the aspirations and agonies of the rules, and to make the ruled fell more fearless. For democracy is suppose to efface the line between the rulers and the ruled.²

-
1. Hussain Mohamed, "Akhbar, Demokrasi dan Politik Malaysia Masakini : Beberapa Isu dan Permasalahan", *Jurnal Pengajian Melayu*, Jilid 4, Universiti Malaya, Kuala Lumpur, 1992, hlm.94.
 2. Dipetik dari A. Karim Hj. Abdullah (P), *A. Samad Ismail : Ketokohan dan Kewartawan*, Dewan Bahasa dan Pustaka, Kuala Lumpur, 1991, hlm. 29.

Sebagai salah satu agen sosialisasi politik, akhbar adalah berkesan dalam mempengaruhi kecenderungan dan kesedaran politik di kalangan rakyat, dan ini termasuklah kesedaran dan pengetahuan mereka mengenai para tokoh dan pemimpin mereka. Misalnya, akhbar semasa zaman penjajahan berperanan memupuk semangat kebangsaan dan semangat perjuangan rakyat untuk mencapai kemerdekaan. Begitu juga akhbar digunakan oleh pemimpin politik untuk membentuk dan memprojekkan imej diri, atau sebaliknya merosakkan imej musuh politik, terutamanya menjelang pilihanraya umum. Menurut Nik Abdul Rashid Majid, apabila pemimpin politik sesebuah parti dapat mempengaruhi media massa, pemimpin-pemimpin parti dan beberapa orang pemimpin kumpulan pendesak, maka itu sudah mencukupi untuk menjamin kejayaan dalam satu-satu pilihanraya parti atau pilihanraya umum dalam negara berkenaan.³ Ketua Pembangkang, Lim Kit Siang juga berpandangan bahawa Perdana Menteri Dr. Mahathir boleh menang berturut-turut selama tiga penggal dalam pilihanraya adalah kerana beliau menguasai '3 M', iaitu *Money, Media, Machinery*.⁴

Perusahaan akhbar di Malaysia kini cenderung ke arah yang kurang sihat di mana kebanyakan akhbar *mainstream* dimiliki,

-
3. Nik Abdul Rashid Majid, "Kebebasan Akhbar di Malaysia : Satu Tinjauan Undang-Undang" dalam *Seminar Akhbar dan Majalah : Pembinaan Imej dan Pembangunan Malaysia*, anjuran Jabatan Sejarah, Universiti Kebangsaan Malaysia, Bangi, Selangor pada 25hb. dan 26hb. Januari, 1988.
 4. Temubual dengan Lim Kit Siang oleh *China Press*, 22hb. November, 1990.

dikawal dan dimonopoli oleh parti politik atau badan ekonomi yang berpengaruh sama ada secara langsung dan tidak langsung misalnya akhbar Melayu, *Berita Harian* dan *Utusan Melayu* dan akhbar Inggeris *New Straits Times* adalah milikan Parti UMNO; Parti MCA pula menguasai akhbar *Nanyang Siang Pau* dan *The Star*. Sejak kebelakangan ini, kebebasan dan kredibiliti akhbar kita seringkali dipersoalkan oleh para aktivitis dan parti pembangkang khususnya. Kerajaan Barisan Nasional dituduh tidak mengamalkan semangat demokrasi kerana terlalu menyekat kebebasan akhbar melalui berbagai akta ketat seperti Akta Hasutan 1948; Akta Rahsia Rasmi 1972; Akta Mesin Cetak dan Penerbitan 1984; dan Akta Keselamatan Dalam Negeri 1960. Akhbar *mainstream* yang dimiliki oleh BN dituduh membuat liputan akhbar yang berat sebelah di mana masing-masing condong kepada kepentingan parti diri, dan seringkali membuat ulasan yang tidak menguntungkan pihak pembangkang. Media massa kini adalah jelas menjadi *mouthpiece* kepada kerajaan BN, bukan orang ramai.⁵

Akhbar-akhbar yang kritis dalam memberi pandangan dan ulasan akan menghadapi risiko ditutup atau dituduh ke mahkamah. Salah satunya yang sering dijadikan isu politik ialah penggantungan permit izinterbit tiga buah akhbar iaitu *Watan*, *The Star* dan *Sin Chew Jit Poh* semasa Operasi Lalang, 1987 kerana didakwa telah

5. Kua Kia Soong, *Mediawatch : The Use and Abuse of the Malaysian Press*, The Resource and Research Centre, Selangor, 1990, hlm. 118.

menyiarkan berita yang boleh mengancam keselamatan dalam negeri.⁶

Asian Wall Street Journal, sebuah media milikan luar negeri juga pernah dilarang penerbitan oleh kerajaan Malaysia kerana menyiarkan satu siri berita mengenai skandal kewangan pegawai tinggi kerajaan, terutamanya mengenai penjualan saham United Malayan Banking Corporation (UMBC) yang dimiliki oleh bekas Menteri Kewangan, Daim Zainuddin kepada Pernas.⁷

Di pihak kerajaan pula, Dr. Mahathir menegaskan bahawa kebebasan akhbar perlu ada had-hadnya yang tertentu supaya ianya lebih bertanggungjawab dalam membuat laporan.⁸ Baginya, kebebasan akhbar mesti seiringan dengan *social responsibility* dan *self-censorship*.⁹ Beliau menjelaskan bahawa:

*... if it is assumed that power tends to corrupt and absolute power tends to corrupt absolutely... Freedom too can corrupt and absolute freedom can corrupt absolutely.*¹⁰

-
6. Suhaini Azhan, "Malaysia : Give and Take for Press", *Far Eastern Economic Review*, 3hb. Mac, 1988.
 7. G.P. Means, *op. cit*, hlm. 140.
 8. *Ibid.*, hlm. 138 - 140.
 9. *Sunday Star*, 3hb. Oktober, 1993.
 10. *New Straits Times*, 19hb. September, 1985.

Oleh itu, kebebasan akhbar perlu ada had-hadnya yang tertentu supaya dapat mengekalkan kestabilan sosial.¹¹ Pernyataan Dr. Mahathir itu memang mempunyai kebenarannya kerana media boleh mempengaruhi pemikiran dan nilai-nilai masyarakat secara mendalam. Oleh itu, kebebasan akhbar harus mempunyai batasannya yang tertentu agar segala berita yang dilaporkan itu tidak menjelaskan keselamatan negara, ketenteraman awam, kepentingan akhlak, menyekat penyebaran fitnah dan tohmahan, hasutan, menghindari tindakan menghina institusi mahkamah dan beberapa yang lain.¹² Kebebasan akhbar harus ada batasannya, begitu juga sekatan terhadap kebebasan akhbar harus juga ada had-hadnya. Adakalanya pihak pemerintah harus juga memberi ruang kepada orang ramai untuk membuat kritikan dan pandangan yang membina agar dapat menjamin sebuah kerajaan yang lebih efisien. Seperti yang dinyatakan oleh Lucian W. Pye,

Even in the most weak and unstable country the mass media must still retain to some degree one of their most basic functions : that of serving as an inspector general to the entire political system so as to provide the necessary public criticism to ensure some degree of political integrity among the power holders.¹³

-
11. *Ibid.*
 12. Hussain Mohamed, *op. cit*, hlm. 103.
 13. Lucian W. Pye, "Communication, Institution Building and The Reach of Authority", dalam buku Daniel Lerner dan Wilbur Schramm, *Communication and Change in Developing Countries*, East-West Center Press, Honolulu, 1967, hlm. 37.

1.2 Tujuan dan Bidang Kajian

Kajian ini adalah mengenai pandangan dan sikap akhbar-akhbar Cina terhadap perjuangan politik Lim Kit Siang, Setiausaha Agung DAP dan Ketua Pembangkang kira-kira sejak 25 tahun yang lalu. Ideologi dan perjuangan politik beliau di samping mendapat penghargaan tinggi daripada penyokong-penyokongnya juga menerima kritikan dan celaan tertentu daripada musuh politiknya. Sehubungan ini, maka ada baiknya diperhatikan apakah pula pandangan dan sikap akhbar-akhbar Cina tempatan terhadap imej dan kepimpinan Lim Kit Siang sebagaimana yang dilaporkan oleh media cetak yang berkenaan berhubung dengan perjuangan Lim Kit Siang dan Parti DAP yang dipimpinnya itu.

Selama ini, Lim Kit Siang telah memperkatakan banyak isu awam terutamanya dakwaannya berhubung dengan penyalahgunaan kuasa dan penyelewengan yang dilakukan oleh Parti Barisan Nasional (BN) serta membahaskan banyak persoalan yang berkaitan dengan kepentingan sosial dan komuniti tertentu di dalam dan di luar Parlimen. Misalnya isu Bukit China dan Skandal Koperasi Pengambilan Deposit (KPD) yang menjadi topik perbincangan hangat dalam masyarakat Cina, Skandal Maika Holdings-Telekom Malaysia Berhad, Skandal Videotape lucu Vijandran dan isu penswastaan Lebuhraya Utara-Selatan (PLUS) yang berkait-rapat dengan kepentingan umum.

Penyelidikan ini berusaha untuk memerihalkan pandangan

suratkhabar Cina Malaysia terhadap imej dan kepimpinan Lim Kit Siang dengan berdasarkan isu-isu yang telah beliau bangkitkan dan pegangan politiknya iaitu untuk mencapai konsep *Malaysia Untuk Semua Rakyat Malaysia* serta pandangan akhbar terhadap kepimpinannya dalam Parti DAP. Oleh kerana isu yang dibangkitkan oleh Lim Kit Siang di dalam dan di luar Parlimen adalah terlalu banyak, maka penulis akan hanya membincangkan beberapa isu yang dikira lebih popular di kalangan masyarakat Malaysia. Persoalannya ialah adakah Lim Kit Siang seorang *opportunist*; pandai mengambil kesempatan politik untuk memperolehi publisiti murah; pandai bercakap lantang tetapi tidak pernah bertindak secara praktikal; seorang pemimpin diktator dalam DAP; seorang pemimpin pembangkang yang pandai mencari dan mengutuk ketidakcekapan pentadbiran kerajaan sahaja demi untuk kepentingan politik diri? Ataupun Lim Kit Siang adalah hero politik yang benar-benar berdedikasi demi kepentingan bangsa dan kemakmuran negara berdasarkan ideologi politik yang dipegangnya selama ini tanpa menghiraukan sebarang kecaman atau cemuhan? Semua isu dan persoalan ini akan cuba dianalisa menerusi laporan dan ulasan yang dimuatkan dalam suratkhabar.

1.3 Kepentingan dan Sumbangan Kajian

Memandangkan kepopularan Lim Kit Siang sebagai hero atau wira masyarakat Cina yang boleh dikatakan setanding dengan pemimpin-pemimpin masyarakat Cina yang terkenal pada suatu masa dahulu seperti Tan Siew Sin, Lee San Choon, Tan Koon Swan dan Lim Chong Eu, maka satu penyelidikan akademik yang lebih tersusun dan mendalam adalah perlu agar orang ramai mendapat satu gambaran yang lebih jelas terhadap personaliti tokoh tersebut. Penulis berharap hasil kajian ini akan memperluaskan lagi pengetahuan pembaca yang berminat terhadap perjuangan politik Lim Kit Siang dengan Parti DAPnya.

Selain itu, penulis juga berharap melalui kajian pandangan akhbar Cina terhadap imej dan kepimpinan Lim Kit Siang ini dapat memberi sedikit pengetahuan kepada orang ramai tentang pentingnya peranan pembangkang dan seorang pemimpin pembangkang yang begitu berkaliber seperti Lim Kit Siang dalam sebuah negara yang mengamalkan sistem pemerintahan demokrasi. Untuk menjamin sebuah masyarakat Malaysia yang lebih adil dan demokratik, peranan yang dimainkan oleh seorang pemimpin pembangkang yang bertanggungjawab dan bersemangat dedikasi tidak boleh diperkecilkan.

1.4 Kaedah Kajian

1.4.1 Penyelidikan Perpustakaan

Ini adalah kaedah kajian utama yang digunakan dalam penyelidikan latihan ilmiah ini. Penulis akan membaca semua laporan akhbar yang menyentuh tentang Lim Kit Siang, iaitu merujuk kepada semua akhbar Cina yang diterbitkan di negara ini. Misalnya *Sin Chew Jit Poh*, *Nanyang Siang Pau*, *Shin Min Daily News*, *Tong Bao*, *Ta Chung Daily News*, *China Press* dan *New Life Post*. *Sin Chew Jit Poh* dan *Nanyang Siang Pau* adalah di antara akhbar Cina *mainstream* yang paling popular, iaitu mempunyai pembaca yang paling ramai dan berwibawa di kalangan masyarakat Cina. Menurut kajian dan analisa yang dijalankan oleh *The Survey Research Malaysia*, akhbar *Sin Chew Jit Poh* menarik seramai 730,000 orang pembaca dari bulan Julai, 1992 sehingga Julai, 1993. Menurut kajian yang dijalankan oleh *Nanyang Siang Pau* setiap tiga bulan pula, akhbar ini mempunyai seramai 170,000 orang pembaca di Malaysia.

Selain dari akhbar Cina tempatan, maka sebagai tambahannya, penulis juga akan merujuk kepada akhbar tabloid DAP, iaitu *The Rocket*, akhbar Bahasa Melayu dan Inggeris seperti *Utusan Malaysia*, *Berita Harian*, *The Star*, *New Straits Times* dan *Watan*. Buku-buku keluaran DAP seperti *Prelude to Operasi*

Lalang, *Time Bombs In Malaysia*, *Scandal of Scandals*, *Crisis of Identity* dan *North-South Highway Scandal* serta buku-buku ilmiah yang lain seperti *The Second Generation*, *Chinese Politics In Malaya* dan *Malaysian Politics and the 1978 Election* juga akan dirujuk. Tesis-tesis, jurnal dan beberapa buah majalah yang berkaitan dengan latihan ilmiah juga akan dibaca. Misalnya, *Far Eastern Economic Review* dan *Mister Weekly*.

Sepanjang cuti tiga bulan yang bermula pada bulan April hingga bulan Julai, 1993, penyelidikan perpustakaan telah dijalankan di *The Resource And Research Centre* di Chinese Assembly Hall, di Arkib Negara, di Perpustakaan Universiti Malaya dan di Pusat Penyelidikan DAP di Petaling Jaya.

Setelah meneliti semua bahan-bahan yang berkaitan dan diperlukan, analisa akan dibuat untuk menilai pandangan suratkhabar Cina tempatan terhadap imej dan kepimpinan Lim Kit Siang.

1.4.2 Temubual

Temubual bersemuka dengan Lim Kit Siang dibuat dalam bulan November, 1993 setelah penulis telah menyelidik dan mendalami semua isu yang berkaitan dengan beliau.

Beberapa soalan yang berkaitan dengan kandungan latihan ilmiah ini telah dikemukakan kepada beliau untuk mendapatkan pandangan dan pendirian beliau terhadap isu seperti kebebasan akhbar dan politik di Malaysia. Selain itu, penulis juga cuba mendapatkan pandangan dan penjelasan Lim Kit Siang sendiri ke atas beberapa tuduhan oleh akhbar Cina tempatan, misalnya beliau dituduh sebagai pemimpin diktator dalam DAP, dikritik sebagai *opportunist* yang bertujuan untuk mengaut modal politik untuk kepentingan diri, bukannya sebagai seorang pemimpin pembangkang yang sewajarnya. Ini semua dimuatkan dalam bab keenam kemudian.

1.5 Kesulitan Pengumpulan Bahan

Maklumat dan pemasalahan ini ialah mengenai akhbar Cina harian. Oleh kerana kebanyakan akhbar *mainstream* hari ini telah dimiliki oleh parti politik atau perbadanan ekonomi secara langsung atau tidak langsung, misalnya *Nanyang Siang Pau* dan *Tong Bao* yang dimiliki oleh Parti MCA, maka realibiliti berita-berita yang dimuatkan oleh akhbar berkenaan boleh dipertikaikan. Sudah pasti berita yang disiarkan akan sedikit-sebanyak berat sebelah, iaitu lebih memihak kepada kepentingan pemilik akhbar. Disebaliknya pula suara, pandangan dan penjelasan dari pihak pembangkang kurang diberi ruang atau liputan yang sepatutnya seperti yang diberi kepada pemilik akhbar berkenaan.

Walaupun hampir setiap hari pemimpin DAP mengeluarkan kenyataan dan menegaskan pendirian mereka ke atas isu-isu utama, tetapi bukan semua kenyataan pihak pembangkang itu disiarkan oleh akhbar-akhbar. Ini membawa masalah kepada penulis ketika mengumpul bahan mengenai pihak pembangkang dari akhbar-akhbar yang dikawal oleh pihak berkuasa kerana tidak banyak kenyataan atau maklumat-maklumat mengenai parti pembangkang dapat diperolehi, terutamanya berkenaan dengan beberapa isu utama yang menyentuh kepentingan pemilik akhbar atau pihak berkuasa. Misalnya skandal KPD, isu Maika Holdings dan isu Lebuhraya Utara-Selatan yang berkait-rapat dengan kepentingan

pihak pemerintah cuba ditutup atau diberi liputan yang terhad. Maka tidak mudah bagi kita menilai imej dan kepimpinan seorang pemimpin melalui akhbar-akhbar yang terikat ini kerana keadaan *blackout*, bias dan berat sebelah boleh berlaku. Ini juga menjadi masalah kepada penulis ketika mengumpul bahan dari akhbar Cina, lebih-lebih lagi tumpuan kajian penulis adalah seorang tokoh pembangkang yang merupakan musuh ketat kerajaan BN.

Disamping itu, penulis juga menghadapi masalah mendapatkan akhbar Cina lama, terutamanya akhbar Cina tahun 1960 and 1970-an. Walaupun di Arkib Negara pun, sebuah badan yang menyimpan dokumen lama negara juga tidak banyak menyimpan akhbar-akhbar Cina lama. Menurut pegawai di Arkib Negara, ini adalah kerana syarikat akhbar Cina kadang-kala tidak menghantar keluaran akhbar mereka ke sana menyebabkan simpanan akhbar menjadi kurang tersusun dan kurang lengkap. Tambahan pula, kadang-kala penulis terpaksa menunggu selama dua tiga jam untuk mendapatkan akhbar lama dari badan itu. Kelambatan ini telah menjelaskan proses penyelidikan penulis.

The Resource and Research Centre juga tidak menyimpan akhbar lama kerana badan ini baru ditubuhkan pada tahun 1985.

Oleh kerana akhbar Cina lama adalah sukar untuk diperolehi dan kurang lengkap, maka penulis hanya menumpukan kajian ilmiah ini pada akhbar Cina tahun 1980 hingga 1990-an sahaja.

BAB II

POLITIK DAN KEPIMPINAN CINA MALAYSIA

2.1 Keadaan Politik Cina Di Malaysia

Sebelum Perang Dunia Kedua, Orang-orang Cina bersikap apatik atau tidak berminat untuk melibatkan diri dalam pergolakan dan perkembangan politik Tanah Melayu. Orang Cina pada waktu itu yang merupakan imigran yang berhijrah dari Tanah Besar Negeri China untuk mencari peluang ekonomi di Tanah Melayu masih kuat komited kepada politik tanahair mereka. Imigran Cina yang hanya bersifat sementara sahaja di Tanah Melayu menyebabkan mereka mempunyai suatu sikap negatif terhadap politik.¹ Mereka jauh lebih mementingkan ekonomi daripada politik. Mereka digambarkan sebagai:

*"... they were little more than 'birds of passage' : they left once they had made their money."*²

Selepas kemerdekaan, Orang-orang Cina yang menganggap Malaysia sebagai tempat tinggal kekal mereka mulai sedar akan hak-hak dan kepentingan mereka di negara ini. Ini dapat dilihat dengan

-
1. Chew Hock Thye, *Masalah Perpaduan Nasional*, Dewan Bahasa dan Pustaka, Kuala Lumpur, 1975, hlm. 75.
 2. K.J. Ratnam, *Communalism and the Political Process In Malaya*, University of Malaya Press, Singapura, 1967, hlm. 6.

tertubuhnya beberapa parti politik Cina selepas kemerdekaan. Misalnya Parti Demokratik Bersatu (UDP) 1959 yang ditubuh oleh Dr. Lim Chong Eu, Parti Gerakan Rakyat 1968 yang ditubuh oleh Dr. Lim Chong Eu bersama-sama dengan Dr. Tan Chee Khoon dan Parti Keadilan Masyarakat (PEKEMAS) 1971 di bawah pimpinan Dr. Tan Chee Khoon.

Kaum Cina di Malaysia adalah satu komuniti yang cukup beraneka ragam. Mereka datang dari latarbelakang pelajaran, dialek, kepercayaan, agama serta ideologi dan sikap politik yang amat berbeza. Berlainan ini telah membentuk idea politik Orang Cina di Malaysia kemudian dan matlamat perjuangan politik yang masing-masing berlainan di antara mereka.³ Sehingga hari ini tiada satu pun parti politik Cina bercorak nasional yang mewakili seluruh lapisan Orang Cina. Sekiranya bilangan parti politik Cina menjadi petunjuk perpecahan, maka kaum Cina sudah tentu berpecah belah dalam politik.⁴ Di antara parti-parti politik Cina ini seringkali berlaku persaingan untuk memenangi sokongan kaum Cina dan mereka masing-masing mendakwa partinya adalah *pejuang sebenar* kepentingan Orang Cina di Malaysia. Dengan itu, parti-parti Cina ini saling tuduh-menuduh dan berselisih di antara satu sama lain demi untuk mempopularkan nama parti dan merosakkan imej

-
3. Wang Gung Wu, *Chinese Politics In Malaya*, Chinese Quarterly, No. 43, Julai/September, 1970, hlm. 3.
 4. Ting Chew Peh dan Goh Teck, *Krisis MCA : Ujian Prinsip Demokrasi*, Penerbit Abadi, Negeri Sembilan, 1984, hlm. 4.

parti lawan di kalangan masyarakat Cina. Contoh yang jelas kini ialah persaingan di antara MCA dengan DAP dalam memenangi sokongan kaum Cina. Sikap tidak bersatu-padu pemimpin-pemimpin Cina ini sedikit sebanyak menyebabkan kurang efektifnya Orang Cina dalam bidang politik.⁵

Parti MCA dan Parti DAP adalah di antara dua buah parti politik Cina yang paling popular di kalangan masyarakat Cina Malaysia. Untuk mendapat dan mengekalkan sokongan kaum Cina, parti-parti itu terpaksa memperjuangkan kepentingan mereka khususnya mengenai bahasa dan pendidikan Cina. Pemimpin yang berjaya dalam hal tersebut akan disanjung tinggi oleh Orang Cina, seperti Tan Cheng Lock dan Lim Kit Siang; Manakala disebaliknya pula akan dikecam habis-habisan sebagai penjual kepentingan bangsa seperti yang berlaku ke atas Tan Siew Sin.⁶ DAP, sebuah parti bercorak bukan perkauman juga tidak boleh terlepas dari menumpukan usahanya dalam memelihara kepentingan Orang Cina kerana Parti DAP boleh terus berdiri kukuh dalam arena politik adalah hasil daripada sokongan masyarakat Cina.

-
5. Harold Crouch, Lee Kam Hing dan Michael Ong, *Malaysian Politics and the 1978 Election*, Oxford University Press, Kuala Lumpur, 1980, hlm. 215.; Juga dalam Ting Chew Peh dan Goh Teck, *op. cit*, hlm. 3.
 6. Keterangan lanjut mengenai Tan Cheng Lock dan Tan Siew Sin akan dibincangkan dalam bab yang sama kemudian.

MCA, sebuah parti komponen BN yang mendakwa dirinya mewakili 5 juta orang Cina dalam kabinet adalah jelas tidak mendapat sokongan penuh daripada masyarakat Cina yang terbukti dalam keputusan setiap kali pilihanraya umum. Malahan pemimpin-pemimpin MCA seringkali dikutuk sebagai tidak berkebolehan dan dikecam sebagai penjual kepentingan kaum Cina di Malaysia kerana mereka amat mengecewakan masyarakat Cina dalam isu bahasa dan pendidikan Cina khususnya. Pemimpin MCA yang seringkali memberi jaminan bahawa mereka akan bermati-matian mempertahankan kepentingan Orang Cina, seperti yang pernah ditegaskan oleh Tun Tan Siew Sin, bekas Presiden MCA bahawa 'Kewujudan parti sama erti dengan kewujudan sekolah rendah. Dengan ringkasnya kita sama-sama tenggelam atau timbul',⁷ tetapi akhirnya hanya tinggal janji kosong sahaja. Pemimpin MCA tidak ingin bersikap tegas tetapi bersikap ambivalence ketika menyentuh satu-satu persoalan utama masyarakat Cina kerana takut kedudukan mereka dalam kerajaan pemerintahan BN yang didominasi oleh Parti UMNO tergugat. Seperti yang ditulis oleh G.P. Means:

... the higher leaders enjoyed the benefits of holding government positions, which meant also that they had to defend government policies largely unmindful of Chinese interests.⁸

-
7. *Straits Times (Malaysia)*, 30hb. Disember, 1973.
 8. G.P. Means, *Malaysian Politics : The Second Generation*, Oxford University Press, New York, 1991, hlm. 176.

Ketidakpuasan ini menyebabkan kaum Cina di bandar terutamanya lebih cenderung mengundi parti pembangkang daripada parti komponen BN. DAP merupakan parti alternatif yang utama di kalangan Orang Cina. Walaupun Orang Cina menyedari bahawa Parti MCA mempunyai kedudukan yang lebih baik dari DAP bagi mencapai sesuatu melalui semangat musyawarah dengan UMNO, namun Orang Cina telah hilang keyakinan terhadap MCA yang dianggap seringkali mengecewakan mereka.⁹ Kecenderungan untuk mengundi parti pembangkang tidak bermakna bahawa Orang Cina bersikap chauvinis atau anti-kerajaan. Kajian yang dilakukan oleh Judith Strauch di sebuah kampung baru Cina bernama Sanchun di Perak¹⁰ boleh menggambarkan perasaan Orang Cina, iaitu mengapa Orang Cina memilih parti pembangkang:-

Even those who clearly stated their overall support for the government maintained that in a democratic system there must be an opposition: government MPs, they said, are afraid to speak out and raise questions and are simply yesmen, so there must be an opposition to voice doubts and alternative views.¹¹

Jelaslah bahawa Orang Cina menyokong parti pembangkang bukan

-
9. Ting Chew Peh dan Goh Teck, *op. cit*, hlm. 8.
 10. Sanchun adalah nama yang direka oleh pengkaji untuk mengelakkan kesan-kesan politik ke atas Kampung Baru itu.
 11. Harold Crouch, Lee Kam Hing dan Michael Ong, *op. cit*, hlm. 235.

kerana mereka anti-kerajaan atau anti-Melayu tetapi mereka menuntut sebuah masyarakat Malaysia yang lebih adil dalam melaksanakan pentadbiran.

Sebagai kesimpulannya, pemimpin yang tidak menghiraukan hasrat majoriti ahli parti akhirnya pasti di tolak oleh rakyat. Bak kata seorang falsafah Cina:

Hati rakyat laksana air.
Air boleh mengapungkan perahu.
Air juga boleh menenggelamkan perahu.

2.2 Tokoh-tokoh Masyarakat Cina

2.2.1 Tun Sir Tan Cheng Lock

Tun Sir Tan Cheng Lock (1883 - 1960), seorang Baba Cina, adalah pemimpin Orang-orang Cina sebelum kemerdekaan Tanah Melayu yang terkemuka. Beliau telah bersama-sama dengan Tunku Abdul Rahman memperjuangkan kemerdekaan Tanah Melayu pada tahun 1957. Tunku memuji Tan Cheng Lock seperti berikut:

"Had it not been for Tun Tan's tremendous support for me, I must admit, the Merdeka mission I was leading then could not have succeeded, or a price of blood-shed and unrest had to be paid ... viewed from any angle, Tun Tan Cheng Lock was an outstanding man : he

was well-educated, a successful businessman, a capable politician, a man dedicated to the society and community - he was also a prominent patriot."¹²

Menurut akhbar *Tong Bao*, pujian Tunku terhadap Tan Cheng Lock ini harus direkod dalam annal dan buku teks sekolah.¹³ Sumbangan Tan Cheng Lock kepada masyarakat Cina adalah lebih menonjol semasa zaman penjajahan British di Tanah Melayu.

Berlainan dengan pemimpin Cina lain yang lahir di Negeri Selat, Tan Cheng Lock walaupun berpendidikan Inggeris, tetapi beliau bukan sahaja menyokong pendidikan Inggeris bahkan turut mempertahankan pendidikan Cina dan kepentingan imigran Cina dari Negeri China. Misalnya beliau menuntut supaya kerajaan British memberi pendidikan Bahasa Cina kepada kanak-kanak Cina di sekolah Inggeris, mendesak kerajaan memperbaiki lagi infrastruktur di sekolah Cina dan memberi subsidi kepada sekolah Cina, menuntut Biasiswa Queen untuk pelajar yang berpotensi dan sebagainya. Begitu juga beliau menghentam kuat Akta-akta Imigrasi seperti Immigration Restriction Ordinance 1928 dan Aliens Bill 1932 yang jelas tidak adil kepada imigran Cina. Menurut Yeo Siew Siang, walaupun usaha-usaha Tan Cheng Lock bukan semuanya berhasil, namun semangat tinggi beliau

12. *The Star*, 27hb. Februari, 1989.

13. *Tong Bao*, 27hb. Februari, 1989.

ini telah mencerminkan sifat-sifat kemanusiaannya.¹⁴

Pada bulan Mei, 1948, Tan Cheng Lock menubuhkan Malayan Chinese League. Matlamat utamanya adalah untuk menanamkan semangat kebangsaan dan kesetiaan Orang-orang Cina terhadap Tanah Melayu daripada kepada Tanah Besar China, serta mewujudkan keharmonian dan perpaduan di antara kaum di Tanah Melayu.¹⁵ Beliau menyatakan:

*"My own idea is to wean the China-born from China and Chinese politics and encourage them to transfer their love, for the goal of all concerned including themselves, to Malaya Thus we shall move from present realities to our ideal of a common Malayan consciousness and Malayan Unity."*¹⁶

Semasa Zaman Darurat 1948-60 untuk menentang kegiatan komunis, kaum Cina bukan sahaja mengalami kesengsaraan hidup, malahan kepentingan dan nyawa mereka di Tanah Melayu turut terancam. Atas hasrat untuk menyelamatkan nasib Orang Cina, Tan Cheng Lock

-
14. Yeo Siew Siang, *Tan Cheng Lock : The Straits Legislator and Chinese Leader*, Pelanduk Publications, Petaling Jaya, 1990, hlm. 45.
 15. Surat daripada Tan Cheng Lock kepada C.L. Peet bertarikh 30hb. September, 1948, dipetik daripada Tan Cheng Lock, *A Collection of Correspondence*, Craftsman Press, Singapura, 1951, hlm. 18-19.
 16. Tan Cheng Lock, "National Unity In Malaya", mimeo, C.August 1948, *TCL Papers*, SP13, Item 140.

bersama-sama pemimpin Cina yang lain telah menubuhkan Parti MCA pada 27hb. Februari, 1949 dan Tan Cheng Lock dilantik menjadi Presiden MCA yang pertama. Beliau mendapat persetujuan daripada pemerintah kolonial untuk memegang jawatan tersebut. Menurut Sir Henry Gurney:

"... he commands considerable respect among the Chinese ... he has had experience in Malayan policies, he is sincere; and he is able to rise above the arguments of the different dialect groups in Chinese society. He is sincere in his efforts to do the best for the Chinese in Malaya. He has therefore a strong influence with moderate Chinese opinion here ..." 17

Selepas penubuhan MCA, Tan Cheng Lock meneruskan usahanya dalam mempertahankan pendidikan dan Bahasa Cina. Misalnya dalam bulan April, 1953, beliau menubuhkan sebuah Jawatankuasa Pusat Pendidikan Cina MCA untuk menyatupadukan pejuang-pejuang pendidikan Cina yang lain menentang Ordinan Pendidikan 1952. Menurut Heng Pek Koon, komuniti Cina menaruh harapan yang tinggi kepada perjuangan MCA waktu itu adalah kerana pengaruh personaliti Tan Cheng Lock dan kesungguhan beliau dalam memelihara kepentingan kebudayaan Orang Cina di Tanah Melayu.¹⁸ Pengurus Gabungan Kesatuan Guru-guru Sekolah

-
17. Surat daripada Gurney kepada J.J.Paskin bertarikh 4hb. April, 1949, CO 537/52849/48/49(14).
 18. Heng Pek Koon, *Chinese Politics In Malaysia : A History of the Malaysian Chinese Association*, Oxford University Press, New York, 1988, hlm. 199.

Cina (UCSTA), Lim Lian Geok memberi penghormatan tinggi kepada kepimpinan Tan Cheng Lock dengan menyatakan:

*"Sir Cheng Lock is known for his genuine love of Chinese culture, and could be said to be the real leader of Chinese in Malaya. He deserves the respect of our community including the teachers."*¹⁹

Oleh kerana pemimpin MCA waktu itu terutamanya Tan Cheng Lock berusaha gigih dalam memelihara kepentingan pendidikan Cina di Tanah Melayu, Parti MCA mencapai puncak kepopularan yang paling tinggi sepanjang sejarah penubuhannya. Fenomena ini tidak wujud lagi memandangkan pemimpin MCA masa kini seringkali mengecewakan Orang Cina dalam isu bahasa dan pendidikan Cina khususnya.²⁰

Tan Cheng Lock merupakan di antara pemimpin Cina yang mendapat gelaran 'Tun', satu penghormatan yang paling tinggi daripada negara. Kerajaan Malaysia telah mengadakan pengebumian kebangsaan kepada beliau yang meninggal dunia pada tahun 1960 sebagai mengenang jasa Tun Tan Cheng Lock kepada bangsa dan negara.

-
19. Ucapan oleh Lim Lian Geok. Dipetik daripada *Minutes of the Second Meeting of the MCA Chinese Education Central Committee* yang diadakan pada 21hb. Ogos, 1954.
 20. Ting Chew Peh dan Goh Teck, *op. cit*, hlm. 8.

2.2.2 Tun Tan Siew Sin

Tan Siew Sin (1916 - 1988) merupakan anak lelaki tunggal Tun Tan Cheng Lock. Beliau mendapat pendidikan di Kolej Raffles, Singapura dan kemudian melanjutkan pelajarannya dalam bidang undang-undang di Middle Temple, London. Kerjayanya dalam kerajaan Malaysia bermula pada tahun 1957, iaitu selepas kemerdekaan Malaysia beliau dilantik menjadi Menteri Perdagangan dan Perindustrian oleh Tunku Abdul Rahman. Beliau menjadi Presiden MCA selama 14 tahun dan pada masa yang sama, beliau memegang jawatan Menteri Kewangan antara tahun 1959 - 1974, selama 15 tahun. Tan Siew Sin bersara dari politik pada 8hb. April, 1974 atas sebab kesihatan.

Tan Siew Sin merupakan pemimpin Cina yang menimbulkan banyak kontroversial dalam masyarakat Cina. Boleh dikatakan dalam rekod sejarah politik Cina, tiada pemimpin seperti Tan Siew Sin yang begitu kuat dikecam dan dihentam oleh masyarakat Cina. Tan Siew Sin, Orang Cina Baba yang berpendidikan Inggeris disindir sebagai 'anak Baba' dan 'anak Inggeris ciplak' yang tidak memahami hasrat masyarakat Cina.²¹ Beliau juga dituduh mempergadaikan hak dan kepentingan masyarakat Cina kerana tidak menggunakan peluang dengan baik sehingga Parti MCA sepatutnya kuat tetapi tidak kuat, dan benda

21. Sila rujuk *China Press*, 20hb. Mac, 1988; *Utusan Malaysia*, 29hb. Mac, 1988.

yang seharusnya Orang Cina dapat tetapi tidak dapat. Walaupun beliau dalam isu mengenai kepentingan kaum Cina terutamanya isu bahasa dan pendidikan Cina telah menimbulkan banyak kontroversi, namun begitu dalam aspek ekonomi negara, jasanya tidak dapat dipertikaikan lagi.

Dalam tempoh beliau menjadi Menteri Kewangan, kedudukan kewangan negara amat teguh dan matawang ringgit kita mantap.²² Bekas Perdana Menteri Allahyarham Tun Abdul Razak berkata:

*"... hakikat matawang ringgit kita merupakan salah satu matawang yang paling teguh di dunia, adalah kerana yang berhormat berjaya menguruskan kewangan kita dengan cermat dan pandangan jauhnya."*²³

Bekas Perdana Menteri Britain, Lord Home dalam autobiografinya *The Way The Wind Blows* pada tahun 1963 menyifatkan Tan Siew Sin sebagai seorang Menteri Kewangan yang amat berkebolehan. Mr. Opposition, Tan Chee Khoon juga memuji beliau sebagai seorang Menteri Kewangan yang baik, dan sentiasa berhati-hati dalam menguruskan wang awam.²⁴ Tan Siew Sin dipuji sebagai seorang Menteri Kewangan yang serba 'bersih lagi putih', iaitu tidak

22. *Nanyang Siang Pau*, 19hb. Mac, 1988.

23. *Berita Harian*, 19hb. Mac, 1988.

24. Tan Chee Khoon, *From Village Boy to Mr. Opposition*, Pelanduk Publications, Selangor, 1991, hlm. 285.

rasuah tetapi sentiasa menjalankan tugasnya dengan adil dan tulus ikhlas. Beliau sememangnya seorang Menteri yang boleh diharapkan.²⁵ Akhbar *Tong Bao* berpendapat bahawa kerajaan Malaysia harus mengumumkan satu 'Jalan Tun Tan Siew Sin' khas untuk mengenang jasa Tun Tan kepada tanahair.²⁶

Tan Siew Sin memang telah diakui sebagai seorang perancang ekonomi negara yang pintar, namun kepimpinannya dalam masyarakat Cina melalui penglibatan dalam Parti MCA menimbulkan berbagai pertikaian.

Dendam benci Orang Cina terhadap Tan Siew Sin mencapai kemuncak apabila Tan Siew Sin secara tegas menolak penubuhan Universiti Merdeka, sebuah universiti yang menggunakan Bahasa Cina sebagai bahasa pengantar yang dicadangkan oleh pejuang pendidikan Cina pada akhir tahun 1968. Sikap tidak ingin menyokong Tan Siew Sin ke atas cadangan penubuhan Universiti Merdeka menyebabkan beliau dituduh sebagai penjual kepentingan Orang Cina di Malaysia.²⁷ Badan-badan pertubuhan Cina menuduh pembantahan cadangan oleh pemimpin MCA ini sebagai satu muslihat, iaitu beliau disyaki bersuhabat dengan pihak lain untuk menghapuskan pendidikan Cina.

25. *China Press*, 20hb. Mac, 1988.

26. *Tong Bao*, 27hb. Jun, 1992.

27. *New Life Post*, 14hb. Julai, 1982.

Ucapan Tan Siew Sin dalam Bahasa Inggeris di Melaka pada 16hb. April, 1989 mengenai penubuhan Universiti Merdeka yang berbunyi, *It is easier for the hell to freeze than the Merdeka University to be established in this country* yang diterjemahkan ke dalam Bahasa Cina oleh akhbar *Sin Chew Jit Poh* telah menggemparkan seluruh masyarakat Cina yang seterusnya menambahkan lagi rasa ketidakpuasan Orang Cina terhadapnya. Perbuatan Tan Siew Sin itu digambarkan sebagai 'menghapuskan dirinya dari masyarakat Cina'.²⁸

Ketua Pembangkang waktu itu, Dr. Tan Chee Khoon turut menuduh Tan Siew Sin sebagai tidak jujur dalam mempertahankan hak dan kepentingan Orang Cina dalam kabinet walaupun beliau merupakan Presiden MCA yang mewakili Orang Cina Malaysia. Dr. Tan berhujah bahawa:

*As a Chinese I do not expect him to speak publicly out loud and bold for the Chinese in this country and I do expect him to do so in the cabinet. Generally it can be said that the MCA cabinet minister has failed to speak up for the rights of the Chinese in the cabinet.*²⁹

Kontroversi penubuhan Universiti Merdeka secara langsung telah membawa kegagalan yang paling teruk kepada MCA dalam

28. *Ibid.*

29. Tan Chee Khoon, *op. cit*, hlm. 286.

pilihanraya umum 1969 sepanjang sejarah penubuhannya, iaitu MCA hanya memenangi 20 daripada 33 kerusi yang ditandinginya. Adalah nyata bahawa MCA telah hilang kredibilitinya di kalangan Orang Cina. Heng Pek Koon berpendapat bahawa Tan Siew Sin boleh terus memegang jawatan Presiden MCA sehingga tahun 1974 walaupun tidak disenangi oleh majoriti Orang Cina adalah kerana beliau memegang jawatan Menteri Kewangan, satu jawatan yang begitu berkuasa sehingga beliau berjaya mengukuhkan kedudukannya walaupun tidak mendapat sokongan penuh daripada majoriti anggota Parti MCA sendiri.³⁰

Tan Siew Sin meninggal dunia pada 17hb. Mac, 1988. Tidak ramai Orang Cina, termasuk pemimpin politik dan bukan politik dari masyarakat Cina yang memberi penghormatan terakhir kepada mendiang Tan Siew Sin. Akhbar *China Press* menulis bahawa dalam hayat Tan Siew Sin, beliau mengalami dua peristiwa yang amat mendukacitakannya iaitu komen Tun Dr. Ismail bahawa 'MCA itu hidup segan, mati tidak mahu' dan terjemahan hujahannya mengenai penubuhan Universiti Merdeka ke dalam Bahasa Cina yang menimbulkan reaksi negatif daripada kaum Cina. Peristiwa ketiga yang mendukacitakannya pasti adalah kesunyian upacara pengebumiannya yang mendapat reaksi dingin daripada masyarakat Cina jika mendiang menyedari di dunia akhirat menurut akhbar *China Press*.³¹

30. Heng Pek Koon, *op. cit*, hlm. 257.

31. *China Press*, 20hb. Mac, 1988.

Menurut Heng Pek Koon, Tan Siew Sin tidak dapat memenangi sokongan daripada masyarakat Cina kerana beliau terlalu berkompromi dengan kaum Melayu dalam isu bahasa dan pendidikan Cina. Beliau terlalu setia kepada Tunku sehingga sanggup bekerjasama dengan UMNO dalam semua hal yang berkaitan rapat dengan kepentingan Orang Cina.³² G.P. Means juga memberi komen bahawa:

*The personal ties of trust and support between Tan Siew Sin and Tun Abdul Razak are reported to have altered some of the abrasiveness of government policies towards the Chinese, when the trust of government policy was to give highest priority to the needs and demands of the Malay community.*³³

Walau bagaimanapun, seperti yang dikatakan oleh keluarga Tan, sama ada sikap Tan Siew Sin dalam menghadapi persoalan utama masyarakat Cina itu betul atau tidak terserahlah kepada sejarah untuk menilainya.

Tan Siew Sin seperti bapanya, Tun Tan Cheng Lock juga mendapat gelaran 'Tun' yang merupakan penghormatan tertinggi negara. Tun Tan Siew Sin juga diberi pengebumian kebangsaan oleh kerajaan Malaysia untuk mengenang jasa-jasanya kepada negara.

32. Heng Pek Koon, *op. cit*, hlm. 258.

33. G.P. Means, *op. cit*, hlm. 131.

2.2.3 Tan Sri Dr. Tan Chee Khoon

Dr. Tan Chee Khoon terkenal sebagai seorang tokoh pembangkang tahun 1960 - 1970-an yang bersikap *moderate*, berani dan jujur dalam mengkritik kesilapan dan ketidaksempurnaan dalam pentadbiran kerajaan. Beliau lahir pada 4hb. Mac, 1919 di Cheras, Kuala Lumpur. Beliau adalah seorang doktor yang memperolehi ijazah daripada University Malaya, Singapura pada tahun 1949. Dr. Tan mulai mencebur diri dalam politik pada awal tahun 1950-an dengan menyertai Parti Buruh dan beliau menjadi anggota Parlimen pada tahun 1964. Kemudian pada tahun 1959, Dr. Tan menarik diri dari Parti Buruh dan bersama-sama dengan Profesor Syed Hussein Alatas dan Dr. Lim Chong Eu menubuhkan sebuah parti politik berfahaman bukan perkauman iaitu Parti Gerakan Rakyat. Akhirnya Dr. Tan menarik diri juga dari Parti Gerakan pada tahun 1969 dan menubuhkan sebuah lagi parti politik iaitu Parti Keadilan Masyarakat (PEKEMAS). Parti ini berkubur juga akhirnya setelah beliau bersara dari politik pada tahun 1976 akibat daripada tidak mendapat sokongan rakyat. Beliau pernah menjadi wakil rakyat bagi kawasan Batu dan ahli Dewan Undangan Negeri bagi kawasan Kepong di antara tahun 1964 hingga 1974. Dr. Tan bersara dari arena politik pada bulan Ogos, 1977 kerana uzur akibat diserang penyakit jantung pada 5hb. November, 1976. Akhbar *The Star* menyatakan pemimpin gantian kemudian yang akan bertanding untuk kawasan Kepong pasti tidak dapat mencapai keputusan baik atau

mendapat penghormatan tinggi seperti Dr. Tan.³⁴ Seperti yang telah dinyatakan,

*... while Dr. Tan Chee Khoon is not Pekemas, a Pekemas without him is not the same Pekemas.*³⁵

Akhbar *Utusan Malaysia* juga menyatakan bahawa jika tidak kerana paksaan keuzuran kesihatannya, persaraan Dr. Tan Chee Khoon dari politik tentunya tidak mudah dilepaskan oleh penyokong-penyokongnya.³⁶

Tan Chee Khoon adalah seorang tokoh pembangkang yang begitu menonjol sekali sehingga beliau bukan hanya dihormati oleh mereka yang menentang kerajaan, tetapi juga oleh penyokong dan pemimpin kerajaan sendiri. Ini adalah keistimewaan yang jarang sekali terdapat pada seorang pemimpin pembangkang. Pemimpin pembangkang selalunya dituduh oleh kerajaan sebagai tidak bertanggungjawab dan anti-national, serta dihentam sebagai *Political Pariah*. Namun begitu, *Integrity*, kejujuran dan komitmen Tan Chee Khoon kepada rakyat Malaysia tidak pernah dipersoalkan, walau oleh pihak lawan politiknya. Sebaliknya beliau dihormati sebagai patriot Malaysia

34. *The Star*, 6hb. Ogos, 1977.

35. *Ibid.*

36. *Utusan Malaysia*, 9hb. Ogos, 1977.

oleh semua lapisan kaum di negara ini. Raj Vasil telah menyamakan kedudukan Dr. Tan dengan Bapa Malaysia, iaitu Tunku Abdul Rahman dalam kenyataannya seperti berikut,

... It is one of those twists of irony that today the two erstwhile adversaries, one who led the government of Malaysia for the first 15 years of independent nationhood, and the other who for years was regarded as Mr. Opposition, together represent the conscience of the Malaysian multi-racial nation.³⁷

Dr. Tan memperjuangkan *multiracialism*, bukan *chauvinism* atau *communalism* dan beliau tidak percaya kepada *extremism*. Beliau menggunakan pendekatan *non-communal* ketika membangkitkan satu-satu isu dalam Parlimen yang amat penting dalam masyarakat majmuk seperti Malaysia di mana sensitiviti perkauman amat senang diungkitkan. Tutur kata sopan yang digunakan oleh ahli politik memainkan peranan penting. Bercakap dengan berhati-hati dan reputasi kerana tidak bercakap kasar banyak membantu seseorang ahli, misalnya Dr. Tan Chee Khoon lebih berjaya daripada Encik Lim Kit Siang dalam memperkatakan sesuatu yang hampir sensitif tanpa dikesan.³⁸

37. Raj Vasil, *Tan Chee Khoon : An Elder Statesman*, Pelanduk Publications, Petaling Jaya, 1987, hlm. 176.

38. R.S. Milne dan Diane K. Mauzy, *op. cit*, hlm. 273.

Akhbar *See Hua* membuat satu perbandingan di antara kedua-dua tokoh pembangkang Cina, iaitu Dr. Tan dan Lim Kit Siang dengan menggambarkan Dr. Tan bersikap lebih teguh, rasional, *lenient* dan tenang, manakala Lim Kit Siang bersikap lebih radikal, agresif dan lekas bertindak.³⁹ Raj Vasil pula menyatakan bahawa pemimpin-pemimpin pembangkang lain di Malaysia seperti D.R. Seenivasagam, S.P. Seenivasagam, Lim Kit Siang, V. David, Karam Singh yang tidak mempunyai sifat-sifat berpolitik seperti Dr. Tan menyebabkan Orang Melayu menolak untuk mendengar kata-kata mereka sama sekali dan menaruh sikap bermusuhan terhadap mereka.⁴⁰ Akhbar *Utusan Malaysia* juga menyatakan bahawa Dr. Tan memang selayaknya mendapat penghormatan yang pada tempatnya memandangkan peranannya yang dapat disifatkan sebagai 'suara sederhana' dalam konteks politik Malaysia yang memerlukan banyak sikap toleransi.⁴¹

Walaupun Dr. Tan berketurunan Cina, tetapi beliau tidak seperti pemimpin politik yang lain yang hanya memperjuangkan kepentingan komunitinya sahaja. Beliau turut membangkitkan isu yang berkait-rapat dengan kepentingan Orang Melayu. Seperti yang dinyatakan oleh akhbar *Berita Harian*, Dr. Tan memang merupakan

39. *See Hua Daily News*, 2hb. Februari, 1985.

40. Raj Vasil, *op. cit*, hlm. 168.

41. *Utusan Malaysia*, 9hb. Ogos, 1977.

seorang anak watan yang berjuang untuk kepentingan semua.⁴² Misalnya beliau telah beberapa kali menuntut gaji yang lebih tinggi untuk pegawai polis peringkat bawahan dan pekerja-pekerja dalam sektor perkhidmatan awam, yang kebanyakannya terdiri daripada Orang Melayu. Sikap liberal dan *non-communal* Dr. Tan telah menyebabkan dirinya memenangi sokongan yang meluas daripada kaum Melayu.

Dr. Tan adalah Ketua Pembangkang tunggal dalam sejarah Malaysia yang mendapat gelaran *Mr. Opposition* kerana sikap sederhana, keadilan, kejujuran dan keberanian beliau dalam mengkritik mana yang patut kepada kerajaan. D.R. Seenivasagam, seorang pemimpin pembangkang sebelum Tan Chee Khoon muncul sebagai *Mr. Opposition* tidak memperolehi gelaran hormat ini kerana personalitinya yang lebih *erratic* dan cara politiknya yang lebih ekstrim.⁴³ Gelaran ini tidak layak diterima oleh tokoh selain Dr. Tan, iaitu walau Lim Kit Siang, Ketua Pembangkang kini juga belum layak untuk menerimanya.⁴⁴

Dr. Tan bertekad untuk terus memperjuangkan demokrasi dan keadilan di negara ini. Pernyataan beliau iaitu:

42. *Berita Harian*, 9hb. Ogos, 1977.

43. Raj Vasil, *op. cit*, hlm. 174.

44. *New Straits Times*, 4hb. September, 1987.

*"... sekiranya semua parti menyertai Barisan Nasional, siapakah yang akan menyuarakan bangkangan yang amat penting bagi demokrasi berparlimen?"*⁴⁵

telah mencerminkan betapa tinggi hasratnya untuk terus memelihara semangat demokrasi dan juga menunjukkan bahawa beliau mencebur ke bidang politik bukan untuk kepentingan diri, tetapi untuk kepentingan seluruh rakyat Malaysia.⁴⁶

Suara Dr. Tan dihargai oleh kerajaan Malaysia dibuktikan dengan pengurniaan gelaran Tan Sri, Panglima Setia Mahkota (PSM) oleh Yang Dipertuan Agung pada bulan Jun, 1980 dan anugerah Datuk Paduka Mahkota Selangor (DPMS) oleh Sultan Selangor pada tahun 1985. Satu lagi bukti jasa bakti Dr. Tan dihormati oleh kerajaan pemerintah pada Shb. November, 1976 iaitu ketika Dr. Tan dimasukkan hospital akibat serangan penyakit jantung, Dato Hussein Onn, bekas Perdana Menteri Malaysia merupakan salah seorang yang pertama sekali menziarahi Dr. Tan di Universiti Hospital. Pada tahun 1971, Universiti Malaya menganugerahkan Ijazah Kehormat Doktor Undang-Undang kepada Dr. Tan sebagai mengenang jasanya dalam bidang pendidikan tinggi. Pada tahun 1984 pula, beliau menerima pingat *Outstanding Malaysian Award* daripada Dr. Chandra Muzaffar, Presiden Aliran sebagai mengenang jasa beliau dalam

45. R.S. Milne dan Diane K. Mauzy, *op. cit*, hlm. 275.

46. *Tong Bao*, 2hb. Jun, 1988.

mempertahankan kebijakan dan keadilan masyarakat, seperti yang dinyatakan,

Aliran admirers Dr. Tan's qualities of courage, integrity and commitment that are manifested in his many years of service to the nation.⁴⁷

2.2.4 Tun Dr. Lim Chong Eu

Dr. Lim Chong Eu, seorang tokoh politik veteran telah memimpin Pulau Pinang selama 21 tahun. Beliau merupakan Ketua Menteri Pulau Pinang yang kedua dan paling lama berkhidmat selepas Tan Sri Wong Pau Nee, Ketua Menteri Pulau Pinang yang pertama. Beliau masih aktif dalam kegiatan politik walaupun usianya telah menjangkau ke 70 tahun. Beliau bersara dari politik setelah tertewas dalam pilihanraya 1990 dalam tangan Lim Kit Siang di Padang Kota, kawasan Dewan Undangan Negeri yang diwakilinya selama lima penggal berturut-turut. Orang ramai berasa simpati terhadap Dr. Lim yang disingkir oleh rakyat pada umur tinggi. Penyokong Barisan Nasional menyifatkan pengundi Padang Kota sebagai 'kacang lupukan kulit' kerana memilih pembangkang.⁴⁸

47. Pernyataan Mariam Zaruan dalam pemberian pingat *Outstanding Malaysian Award* kepada Dr. Tan Chee Khoon dalam buku Tan Chee Khoon, *op.cit*, hlm. 121.

48. *Berita Harian*, 24hb. Oktober, 1990.

Walau bagaimanapun, ini adalah realiti politik. Pemimpin terpaksa berundur apabila tiba-masanya untuk memberi ruang kepada penyokong dan pengikutnya.

Dr. Lim lahir pada 28hb. Mei, 1915. Beliau memperolehi Ijazah dalam bidang undang-undang dari Gary's Inn pada tahun 1940 dan beliau meneruskan pengajiannya dalam bidang perubatan di Universiti Edinburgh. Dr. Lim menjadi Presiden MCA dalam tahun 1958 setelah menewaskan Tan Cheng Lock, Presiden MCA yang pertama. Pada tahun 1959, Dr. Lim keluar dari Parti MCA kerana berselisih faham dengan Tunku Abdul Rahman dan menubuahkan UDP. Pada tahun 1968, Dr. Lim bersama-sama dengan Dr. Tan Chee Khoon dan Syed Hussein Alatas menubuahkan Parti Gerakan Rakyat setelah UDP berkubur atas sebab kekurangan sokongan rakyat. Dr. Lim membawa Parti Gerakan ke dalam kerajaan BN setelah memperolehi kemenangan besar dalam pilihanraya 1969.

Akhbar *The Star* dan *Sin Chew Jit Poh* memuji Dr. Lim berpandangan jauh kerana membentuk kerajaan campuran bersama dengan Parti Perikatan. Lim Chong Eu lebih sedar dan rasional daripada pemimpin politik yang lain bahawa Pulau Pinang tidak boleh menjadi sebuah negeri seperti Kelantan yang hanya diperintah oleh sebuah parti atau komuniti tunggal. Beliau sedar bahawa sebuah masyarakat majmuk seperti Malaysia di mana sentimen perkauman amat senang diungkitkan adalah merbahaya jika Pulau Pinang didominasi oleh kaum

Cina sahaja.⁴⁹ Dr. Lim dipuji sebagai:

... the true architect of the Barisan philosophy ... It was Dr. Lim's brilliant political foresight, timing, and his innate talent to recognise and identify even unperceived opportunities for Penang's prosperity that was to be his greatest gift to Penang.⁵⁰

Dengan tertubuhnya kerajaan campuran Gerakan akan mendapat faedah daripada kestabilan politik Pulau Pinang, yang melindungi asas parti dan akan mendapat kerjasama Kerajaan Persekutuan untuk melaksanakan projek pembangunan negeri.⁵¹

Pada 17hb. Ogos, 1980, beliau dilantik menjadi Penasihat Kebangsaan Gerakan apabila Lim Keng Yaik mengambil alih jawatan Presiden Gerakan. Kemudian Dr. Lim meletak jawatan ini pada tahun 1988.

Sumbangan Dr. Lim yang paling besar sepanjang perkhidmatannya ialah membawa kemajuan ekonomi yang amat pesat kepada Pulau Pinang, iaitu beliau telah berjaya mewujudkan peluang-peluang pekerjaan dan mempertingkatkan taraf hidup rakyat khususnya di Pulau Pinang serta

49. *Sin Chew Jit Poh*, 12hb. Februari, 1990; *The Star*, 10hb. November, 1990.

50. *The Star*, 10hb. November, 1990.

51. R.S. Milne dan Diane K. Mauzy, *op. cit*, hlm. 210.

mengekalkan kestabilan politik di Pulau Pinang. Jambatan Pulau Pinang dan Kompleks Komtar adalah contoh nyata pembangunan yang dibawa oleh Dr. Lim. Akhbar *The Star* menulis:

It is astute intellect, and forthrightness that made the Federal Government feel at all time comfortably confident of Dr. Lim, as 'our man in Havana' who would scaffold Penang to the mainstream.⁵²

Faktor 'pengaruh personaliti Dr. Lim' adalah penting dalam menjamin prestasi Parti Gerakan selama ini.⁵³ Parti Gerakan yang kukuh berdiri dalam arena politik negara hari ini adalah hasil sumbangan Dr. Lim.⁵⁴ Kemenangan cemerlang parti ini dalam pilihanraya 1969 dan berjaya memperolehi kerusi Ketua Menteri Pulau Pinang adalah jasa Dr. Lim.⁵⁵ Disebabkan reputasi dan pengaruh Dr. Lim, Gerakan berjaya mendapat sokongan rakyat dalam setiap kali pilihanraya. Misalnya, jika bukan kerana pengaruh Lim Chong Eu di Pulau Pinang, Parti Gerakan yang hanya memenangi 5 daripada 9 kerusi yang ditandingi dalam pilihanraya umum 1986 akan kalah dengan lebih teruk lagi.⁵⁶

52. *The Star*, 10hb. November, 1990.

53. *Tong Bao*, 18hb. Februari, 1990.

54. *Ibid.*

55. *Ibid.*

56. *Ibid.*, *Nanyang Siang Pau*, 23hb. Mac, 1990.

Sumbangan Lim Chong Eu kepada ekonomi Pulau Pinang dan kekuatan Parti Gerakan memang tidak pernah dipertikaikan. Namun, beliau yang bersikap tidak ingin lepas kuasa walaupun telah menjangkau usia 70 tahun menimbulkan rasa tidak puas hati di kalangan anggota Parti Gerakannya sendiri. Beliau dituduh terlalu ghairah dengan jawatan Ketua Menteri sehingga tidak sanggup meletak jawatan untuk memberi peluang kepada bakat baru dalam Parti Gerakan.⁵⁷

Dr. Lim juga dikecam harus bertanggungjawab ke atas krisis kepimpinan Gerakan kerana beliau tidak pernah jujur dan bersungguh-sungguh dalam mencungkil bakal penggantinya. Tuduhan orang ramai bahawa *Gerakan adalah Lim Chong Eu dan Lim Chong Eu adalah Gerakan* telah jelas menggambarkan Parti Gerakan ketandusan pemimpin berpotensi seperti Dr. Lim. Ini adalah kesilapan terbesar yang dilakukan oleh bekas Ketua Menteri itu.⁵⁸

Akhirnya Dr. Lim terpaksa juga meletak jawatan setelah ditewaskan oleh tokoh kuat DAP, Lim Kit Siang dalam pilihanraya 1990. Akhbar *China Press* menggambarkan Lim Kit Siang sebagai *tokoh politik yang paling berani dan tabah dicabar* kerana beliau berani bertembung dengan orang kuat Gerakan, Lim Chong Eu di Padang

-
57. *Nanyang Siang Pau*, 23hb. Mac, 1990; *See Hua Daily News*, 29hb. Mac, 1990.
58. *Nanyang Siang Pau*, 23hb. Mac, 1990; *Sin Chew Jit Poh*, 3hb. Mac, 1990.

Kota Pulau Pinang.⁵⁹ Lim Kit Siang memang layak digelar sebagai jagoh politik kerana beliau tidak seperti pemimpin utama parti lain yang tidak berani berpindah dari kawasan selamatnya untuk bertanding dengan lawan di kawasan baru.⁶⁰

Pengundi di Pulau Pinang khususnya memang menghadapi dilema besar dalam membuat pilihan. Ini disebabkan mana-mana satu daripada pemimpin tersebut jikalau tertewas adalah satu kerugian besar kepada masyarakat Cina memandangkan mereka mempunyai kelebihan masing-masing.⁶¹ Jasa Dr. Lim terhadap pembangunan ekonomi Pulau Pinang memang tidak boleh dipertikaikan lagi. Namun begitu, rakyat juga tidak ingin Lim Kit Siang yang berperanan sebagai *mouth-piece* kepada masyarakat Cina di dalam Parlimen tertewas.⁶² Akhirnya, Lim Chong Eu tertewas juga dalam tangan Lim Kit Siang. *Akhbar Tong Bao* berpandangan bahawa Lim Chong Eu bukan kalah kepada Lim Kit Siang, tetapi kalah kepada umur dirinya yang telahpun tua.⁶³ Memang adalah fenomena lumrah dalam politik di mana pemimpin tua akan disingkir untuk digantikan dengan tenaga muda yang lebih dinamik.

59. *China Press*, 18hb. Disember, 1990.

60. *Ibid.*

61. *Kwong Wah Yit Poh*, 2hb. Disember, 1989.

62. *Ibid.*, *China Press*, 29hb. November, 1989.

63. *Tong Bao*, 26hb. Oktober, 1990.

Sumbangan Dr. Lim kepada Pulau Pinang khususnya memang dihargai sehingga penyokongnya mencadangkan supaya beliau dilantik menjadi penasihat kekal bagi Kerajaan Pulau Pinang setelah bersara dari politik untuk terus memberi nasihatnya dalam hal-hal negeri.⁶⁴ Begitu juga kerajaan harus mendirikan sebuah tugu peringatan di luar Bangunan Dewan Negeri Pulau Pinang sebagai mengenang jasa Dr. Lim. Pada bulan Disember, 1989, Dr. Lim menerima anugerah pingat *The Rising Sun, Gold and Silver Star* daripada Maharaja Jepun sebagai mengenang jasa beliau dalam menjalin hubungan diplomatik yang erat di antara Kerajaan Malaysia dan Jepun. Dr. Lim merupakan rakyat Malaysia yang pertama menerima anugerah tersebut, yang merupakan salah satu penghormatan paling tinggi di Jepun.⁶⁵ Dr. Lim juga dianugerah Bintang Kebesaran Darjah Utama Pangkuhan Negeri (DUPN) yang membawa gelaran Datuk dan anugerah gelaran 'Tun' daripada Yang Dipertuan Agung, Sultan Azlan Shah, iaitu penghormatan tertinggi negara.

-
64. Sila lihat *Sin Chew Jit Poh*, 22hb. Februari, 1990.
65. *New Straits Times*, 5hb. Disember, 1989.

BAB III

KEDUDUKAN PARTI PEMBANGKANG : DAP DAN LIM KIT SIANG SECARA UMUM

3.1 Peranan Parti Pembangkang dalam Negara Demokrasi

Sistem pemerintahan demokrasi adalah berbeza dengan sistem pemerintahan monarki atau tirani kerana dalam sistem demokrasi, rakyat atau pihak lawan kerajaan 'dibenarkan' untuk memberi pandangan terhadap pentadbiran kerajaan, atau mengkritik setiap tindakan pemerintah. Dengan kata lain, negara yang mengamalkan sistem demokrasi tidak diperintah secara kuku besi tetapi sentiasa bersedia untuk mendengar pandangan kritis yang membina dari berbagai pihak. Justeru itu, kehadiran parti pembangkang menjadi simbol penting sesebuah negara demokrasi. Seperti yang ditegaskan oleh Mr. Opposition, Dr. Tan Chee Khoon sistem demokrasi kerajaan Malaysia akan hilang maknanya jika tiada suara pembangkang dalam Parlimen.¹ Robert A. Dahl juga menyatakan bahawa:

"One is inclined to regard the existence of an opposition party as very nearly the most distinctive characteristic of democracy itself; and we take the absence of an opposition party as evidence, if

1. *New Straits Times*, 22hb.November, 1989.

not always conclusive proof, for the absence of democracy." 2

Peranan membangkang (*to oppose*) dan mengkritik yang dimainkan oleh parti pembangkang amat perlu dalam mempertahan serta mempertingkatkan lagi keberkesanan sesebuah kerajaan. Seperti yang dinyatakan oleh John Stuart Mill bahawa,

"Both teachers and learners go to sleep at their post, as soon as there is no enemy in the field." 3

Kritikan dari pihak pembangkang akan sentiasa memperingatkan pihak pemerintah supaya lebih berhati-hati ketika menjalankan tugas dan menyedari akan had-had kuasanya. Kritikan yang membina, rasional dan bernalas dari pihak pembangkang dapat memperbetul dan memperbaiki lagi polisi-polisi yang dibentangkan oleh pihak pemerintah. Reaksi daripada pihak pembangkang boleh mencerminkan kecekapan sesebuah kerajaan. David Apter telah menggambarkan parti pembangkang sebagai sebuah 'barometer', iaitu:

Just as the fluctuations in the glass of a barometer indicate information

-
2. Robert A. Dahl, *Political Oppositions in Western Democracies*, New Haven and London, 1966, hlm.xvi.
 3. J.S. Mill, *On Liberty*, Everyman edition, London, 1910, hlm.102.

*about the weather, so the rise and fall of support to an opposition indicates to government the effectiveness of its policies.*⁴

Suara-suara dari pembangkang mungkin tidak diambil endah oleh pihak berkuasa, tetapi ia sekurang-kurangnya dapat 'membuka mata' rakyat, iaitu mendedah atau menyedarkan rakyat akan ketidakcekapan dan ketidakadilan setengah-setengah dasar pemerintahan. Maka ini akan memberi peluang kepada rakyat membuat satu pilihan yang lebih tepat lagi ketika mengundi dalam setiap pilihanraya yang dilangsungkan. Seperti yang didakwa oleh R.M. Punnett,

*... the opposition's concern will be to achieve better government.*⁵

Perdana Menteri kita, Dr. Mahathir sendiri pernah mengakui bahawa kerajaan Malaysia yang dipimpin olehnya selama ini berjaya mencapai kemajuan yang pesat adalah kerana wujudnya parti pembangkang yang berkesan dan berpengaruh dalam mengawasi pentadbiran di negara ini.⁶

-
4. R.M. Punnett, *Front-Bench Opposition : The Role of the Leader of the Opposition, the Shadow Cabinet and Shadow Government in British Politics*, Heinemann, London, 1973, hlm.3.
 5. R.M. Punnett, *op. cit*, hlm.183.
 6. Sila lihat *Nanyang Siang Pau*, 31hb.Ogos, 1993.

Parti pembangkang seharusnya memainkan peranan sebagai *public watchdog*, iaitu mengawasi, menyiasat serta mengawal pelaksanaan kuasa eksekutif kerajaan supaya sebuah kerajaan yang lebih bertanggungjawab dan efisien dapat dibentuk dengan meminimakan kegiatan rasuah dan penyalahgunaan kuasa. Parti pembangkang perlu menjalankan peranan *checks and balances*nya supaya dapat mengimbangi kuasa pemerintah. Pepatah Lord Acton iaitu *Power tends to corrupt, and absolute power corrupts absolutely* telah memperingatkan kita bahawa jika semua kuasa pemerintahan tertumpu dalam tangan satu parti politik sahaja, maka akhirnya negara akan menuju ke arah kemerosotan dan keruntuhan akibat korupsi dan salah-guna kuasa yang berleluasa.

Walau bagaimanapun, parti pembangkang tidak harus semata-mata membangkang atau membantah segala dasar kerajaan mengikut hawa nafsu sahaja walaupun dasar kerajaan itu membawa kebaikan kepada umum. Parti pembangkang harus bersikap tanggungjawab, iaitu mengelak daripada mengkritik dan menentang pihak perintah semata-mata untuk merosakkan imej kerajaan atau untuk kepentingan politik diri. Dengan kata lain,

... an opposition must oppose, but not obstruct; it must be constructive, not disruptive.⁷

7. Rodney Barker, *Studies in Opposition*, The Macmillan Press Ltd., London, 1971, hlm.33.

Sebagai kesimpulannya, adalah jelas kehadiran parti pembangkang adalah perlu untuk menjamin demokrasi dalam pemerintahan. Disebaliknya pula, sebuah parti pembangkang yang bertanggungjawab dan efisien adalah sama pentingnya dalam merealisasikan sebuah sistem pemerintahan demokrasi berparlimen.

3.2 Sejarah DAP (Parti Tindakan Demokratik)

Parti DAP tidak asing lagi bagi rakyat Malaysia terutamanya di kalangan kaum Cina. Walaupun DAP mengungkapkan dirinya sebagai sebuah parti berbilang kaum, namun dalam realiti politik negara berbilang kaum ini, DAP masih lagi diidentifikasi dengan kaum Cina dan kurang memperolehi sokongan yang sewajarnya daripada kaum Melayu. Ini adalah kegagalan paling besar DAP dalam perjuangannya selama ini. Pengaruh parti ini di kawasan Orang Cina memang tidak boleh ditandingi oleh Persatuan Cina Malaysia (MCA), sebuah parti Cina dalam Barisan Nasional yang mendakwa dirinya mewakili 5 juta Orang Cina di Malaysia, sehingga DAP digelar sebagai parti politik yang 'lebih MCA daripada MCA'.⁸

Penubuhan DAP mula dicadangkan setelah People's Action Party (PAP) dibatalkan oleh Kerajaan Perikatan Malaysia berikutan dari

8. *Tong Bao*, 30hb. Oktober, 1990.

pemisahan Singapura dari Malaysia pada 9hb. Ogos, 1965. Pemisahan ini berlaku kerana perbezaan ideologi politik di antara pemimpin Singapura, Lee Kuan Yew dengan pemimpin Perikatan, Tunku Abdul Rahman. Pemimpin Parti UMNO khususnya bimbang konsep *Malaysia Untuk Semua Rakyat Malaysia* DAP akan mengancam kedudukan dan hak istimewa Orang Melayu. Ini disebabkan konsep ini jelas bermatlamat untuk membina sebuah negara Malaysia di mana semua warganegara Malaysia akan menerima layanan dan status yang samarata tanpa mengira perbezaan kaum. Cabaran ini menyebabkan Tunku Abdul Rahman akhirnya mengambil keputusan mengeluarkan Singapura dari Malaysia. Kemudian, DAP Malaysia dibatalkan pada 9hb. September, 1965 atas alasan bahawa DAP Singapura dengan DAP Malaysia adalah 'satu dan sama', dan DAP Malaysia adalah parti yang berdaftar di luar Malaysia.⁹

Setelah beberapa permohonan dibuat dan sengaja dilengah-lengahkan oleh Kerajaan Perikatan, permohonan untuk menubuhkan sebuah parti baru dengan nama barunya iaitu Parti Tindakan Demokratik (DAP) dan simbol barunya akhirnya berjaya didaftarkan pada 19hb. Mac, 1966.¹⁰ Permohonan pendaftaran telah mengambil masa yang panjang, iaitu selama enam bulan.

9. Michael Ong, "The DAP of Malaysia : The Case for a Malaysian Malaysia Restated", M.A. Thesis, La Trobe University, Melbourne, 1969, hlm. 16.

10. R.S. Milne dan Diane K.Mauzy, *op. cit*, hlm. 176.

DAP dengan rasminya memasuki arena politik Malaysia dengan diwakili oleh seorang ahli Parlimen iaitu C.V. Devan Nair, Setiausaha Agung DAP yang pertama dan seorang lagi ahli Dewan Negeri, iaitu Dr. Chen Man Hin, Pengurus DAP yang pertama yang masih berkhidmat sehingga hari ini. DAP yang baru ditubuhkan dikelolakan oleh Jawatankuasa Kerja Pusat dibawah pimpinan C.V. Devan Nair. Dr. Toh Chin Chye, Pengurus DAP Singapura mengumumkan bahawa *DAP Singapore is now cut off the political arena in Malaysia* dan menegaskan *we do not intend to interfere on a government in the political life of Malaysia.*¹¹

Matlamat penubuhan DAP adalah untuk mewujudkan sebuah masyarakat Malaysia yang bercorak sosialis demokrat bukan perkauman.¹² Parti ini memperjuangkan konsep *Malaysia Untuk Semua Rakyat Malaysia* di mana semua rakyat Malaysia, tanpa mengira kaum akan menikmati peluang yang samarata dalam bidang ekonomi, politik, sosial dan kebudayaan.¹³ Matlamat keduanya adalah menyatukan semula Singapura ke dalam Malaysia. Namun, matlamat ini kini tidak lagi diperjuangkan oleh Parti DAP. Penyisytiharan Setapak yang diumumkan oleh Parti DAP di Setapak,

11. Michael Ong, *op. cit*, hlm. 13.

12. Nancy L. Snider, "Communalism and the Breakdown of Malayan Parliamentary Democracy", Thesis Ph.D., Universiti California, 1972, hlm. 204.

13. *The Rocket*, September, 1967.

Kuala Lumpur pada 29hb. Julai, 1967 dijadikan panduan polisi dan prinsip Parti DAP. Berdasarkan penyistiharan ini, DAP bertekad untuk memperjuangkan,

"... the ideal of a free, democratic and socialist Malaysia, based on the principles of racial equality, and social and economic justice" 14

Pemimpin DAP, terutamanya Lim Kit Siang membantah secara keras Kerajaan Perikatan mengklasifikasikan warganegara Malaysia ke dalam golongan bumiputera dan bukan bumiputera, di mana golongan bumiputera akan diberi hak dan kedudukan yang istimewa dalam Perlembagaan Persekutuan.

The Rocket merupakan akhbar tabloid Parti DAP yang tunggal dalam menyebarkan ideologi dan aktiviti politik parti kepada anggota-anggotanya. Akhbar ini mula diterbitkan pada bulan Ogos, 1966 dalam empat bahasa iaitu Bahasa Cina, Bahasa Inggeris, Tamil dan Jawa. Kini ia hanya dicetak dalam dua bahasa sahaja iaitu Bahasa Cina dan Inggeris. Disebabkan oleh kekurangan tenaga manusia dan sumbangan artikel daripada anggota parti, penerbitan *The Rocket* menjadi tidak tetap hari ini. Akhbar tabloid ini hanya dibenarkan untuk diedarkan kepada anggota Parti DAP sahaja, iaitu dilarang untuk mengedarkan kepada umum.

14. Democratic Action Party, *The Setapak Declaration*, hlm. 3.

DAP muncul sebagai parti pembangkang yang paling kuat di Malaysia setelah memperolehi kemenangan besar dalam pilihanraya umum 1969. Parti ini berjaya memenangi 13 daripada 24 kerusi yang ditandinginya dalam pilihanraya tersebut. Kini, Parti DAP menjadi parti pembangkang bercorak bukan perkauman yang paling berpengaruh dan berwibawa dalam arena politik Malaysia. Parti ini telah hidup kukuh sejak 27 tahun di negara ini.

3.3 Pengenalan Ringkas Lim Kit Siang

Lim Kit Siang, Setiausaha Agung DAP dan Ketua Parti Pembangkang dalam Parlimen merupakan pemimpin Parti DAP yang paling berpengaruh selepas C.V. Devan Nair. Malahan, Lim Kit Siang selalunya dikatakan sebagai ganti nama bagi barisan pembangkang.¹⁵ Ini disebabkan beliau berani menyuarakan keinginan rakyat dan lantang mengkritik segala ketidakadilan dan penyelewengan kerajaan di dalam dan di luar Parlimen tanpa jemu-jemu. Penyokong-penyokong politiknya telah memberi pujian yang paling tinggi terhadap perjuangan politik beliau; manakala pihak lawannya pula kuat menghentam beliau sebagai anti-kerajaan, chauvinis, *extremist* dan autokratik. Lim Kit Siang sendiri mengakui bahawa selain daripadanya, tidak ada

15. Temubual dengan Lim Kit Siang dalam *Mister Weekly*, 13hb. Disember, 1992.

pemimpin lain sepertinya yang kuat dicela dan dikecam sehingga tidak bernilai walau satu sen pun.¹⁶

Matlamat utama Lim Kit Siang mencebur i diri dalam perjuangan politik DAP adalah untuk merealisasikan konsep *Malaysia Untuk Semua Rakyat Malaysia*. Seperti yang dinyatakan oleh beliau:

*"... the objective of creating not a Chinese Malaysia, an Indian Malaysia, a Malay Malaysia but a Malaysian Malaysia where the different races, languages, religious and cultures can flourish in Malaysia."*¹⁷

Menurut Lim Kit Siang, beliau telah berminat dengan pergolakan politik tanahair semasa di zaman persekolahannya lagi. Beliau pernah bergurau dengan rakan sedarjahnya bahawa lihatlah siapa yang akan menubuhkan parti politik baru di negara ini selepas 20 tahun. Beliau sendiri tidak sangka bahawa guruannya itu telah menjadi kenyataan pada hari ini.¹⁸ Lim Kit Siang adalah salah seorang daripada pengasas Parti DAP. Beliau lahir pada 20hb. Februari, 1941 di Batu Pahat, Johor dan mendapat pendidikan di sana. Beliau pernah menjadi guru sementara di sebuah sekolah rendah Cina di Johor.

-
16. Temubual dengan Lim Kit Siang dalam *China Press*, 12hb. Mei, 1991.
 17. Dipetik dari Lim Kit Siang, *Malaysia : Crisis of Identity*, Democratic Action Party, Petaling Jaya, 1986, hlm.3.
 18. *Mister Weekly*, 13hb. Disember, 1992.

Kemudian beliau berhijrah ke Singapura dan berkhidmat sebagai wartawan *The Straits Times* di Singapura dari tahun 1959 hingga 1965. Beliau adalah seorang wartawan yang dedikasi dan berbakat tinggi. Oleh itu, pada tahun 1962, beliau dilantik sebagai Setiausaha Agung bagi *National Union of Journalists* Singapura. Lim Kit Siang juga pernah berkhidmat dengan Kementerian Kebudayaan Singapura dan mewakili Singapura membuat laporan berita untuk *Afro-Asian Conference* di Moshi, Tanganyika pada tahun 1963. Selepas Singapura keluar dari Malaysia pada tahun 1965, beliau dijemput oleh C.V. Devan Nair untuk menjadi Setiausaha peribadinya. Beliau bersedia berhenti berkhidmat dengan Kementerian Kebudayaan Singapura yang bergaji lumayan dan berstatus tinggi itu untuk menceburi bidang politik yang belum tentu masa depannya serta berisiko tinggi. Apabila DAP berjaya didaftarkan pada tahun 1966, beliau dilantik menjadi Setiausaha Organisasinya sehingga bulan September, 1969.

Di antara tahun 1966 hingga Mei, 1969 beliau menjadi penyunting kepada akhbar tabloid parti, *The Rocket* kerana pengalaman kewartawannya. Lim Kit Siang menjadi ahli bagi Jawatankuasa Kerja Pusat secara rasminya pada tahun 1967. Bermula dari bulan November, 1975 beliau dilantik menjadi Ketua Parti Pembangkang di Parlimen sehingga hari ini.

Sepanjang sejarah penglibatannya dalam pilihanraya, beliau

mendapat sokongan yang besar daripada kaum Cina. Beliau hanya menemui kegagalan sebanyak dua kali sahaja sepanjang perjuangan politiknya iaitu dalam pilihanraya kecil 1969 di Serdang dan pilihanraya umum 1982 di Bandar Hilir, Melaka.

Kali pertama Lim Kit Siang bertanding untuk DAP adalah pada pilihanraya kecil 1969 di Serdang, Selangor. Percubaan kali pertamanya ini mengalami kegagalan yang teruk di dalam tangan calon Perikatan, iaitu DAP hanya memperolehi 5,928 undi sahaja berbanding dengan Perikatan yang memperolehi 6,535 undi.¹⁹ Sejak dari tahun 1969, Lim Kit Siang berturut-turut tiga penggal menjadi ahli Parlimen bagi kota Melaka, iaitu dalam pilihanraya umum 1969, 1974 dan 1982. Dalam pilihanraya umum 1978, beliau berjaya menawan kerusi Parlimen bagi kawasan Petaling Jaya. Dalam pilihanraya umum 1986, beliau berpindah ke Tanjung, Pulau Pinang iaitu sebuah kubu kuat Parti Gerakan tetapi beliau masih berupaya dan berjaya mengalahkan tokoh kuat Gerakan, iaitu Dr. Khoo Tsu Koon untuk kerusi Parlimen Tanjung. Beliau memenangi kerusi yang sama dalam pilihanraya 1990.

Untuk kerusi Dewan Undangan Negeri pula, Lim Kit Siang berturut-turut dua penggal menjadi ahli Dewan Negeri bagi daerah Kubu, Melaka iaitu pada tahun 1974 dan 1978. Dalam pilihanraya

19. *Sunday Times*, 8hb. Januari, 1969.

1986 pula, beliau berjaya bertanding untuk kerusi Dewan Negeri bagi Kampung Kolam, Pulau Pinang. Pertandingan yang paling hebat adalah pada pilihanraya 1990, di mana Lim Kit Siang bertekad untuk bertembung dengan bekas Ketua Menteri Pulau Pinang, Lim Chong Eu yang amat berpengaruh di Pulau Pinang dalam usaha DAP merealisasikan projek Tanjung duanya serta usaha DAP dalam membawa sistem pemerintahan alternatif ke dalam kerajaan Pulau Pinang. Beliau berjaya mengalahkan Lim Chong Eu yang seterusnya menamatkan karier politik Lim Chong Eu di Malaysia.

Lim Kit Siang yang mempunyai kemahiran berhujah dengan kepastahan bercakap dan fikiran yang kritis telah beberapa kali membongkar penyelewengan pentadbiran dan skandal kewangan yang membabitkan pemimpin Barisan Nasional. Misalnya, Skandal BMF, Skandal KPD, Skandal Penswastaan Lebuhraya Utara-Selatan, Skandal Maika Holdings dan Skandal videotape seks Vijandran. Keberanian Lim Kit Siang itu telah membawa 'malapetaka' kepada dirinya. Misalnya sikap radikalnya telah menyebabkan dirinya ditangkap di bawah Akta Keselamatan Dalam Negeri (ISA) sebanyak dua kali. Penahanan kali pertama berlaku pada 18hb. Mei, 1969 iaitu selepas mencapai kemenangan besar DAP dalam pilihanraya umum 1969. Kemenangan cemerlang parti-parti pembangkang seterusnya mencetuskan tragedi 13 Mei. Semasa rusuhan tercetus di Kuala Lumpur, Lim Kit Siang berada di Sabah berkempen untuk calon bebas Parlimen dan sedang berucap dalam satu rapat umum yang terbesar di Kota Kinabalu.

Pada 15hb. Mei, 1969, Lim Kit Siang diusir dari Sabah oleh Ketua Menteri Sabah, Tun Mustapha kerana beliau secara terbuka menuduh pemerintahan Tun Mustapha itu berunsur diktator.²⁰ Pada 18hb. Mei, 1969, Lim Kit Siang tiba di Lapangan Terbang Subang Kuala Lumpur. Dengan segeranya beliau ditahan di bawah ISA sehingga dibebaskan tanpa syarat pada 1hb. Oktober 1970. Semasa dalam tahanan, beliau dilantik menjadi Setiausaha Agung DAP yang ketiga untuk menggantikan Goh Hock Guan.

Semasa dalam Kem Tahanan Muar juga, Lim Kit Siang mengambil kursus undang-undang luar kampus University of London dan berjaya memperolehi Ijazah Muda Undang-Undang pada bulan Ogos, 1976. Pada tahun 1979, Lim Kit Siang menjadi ahli Majlis Peguam Malaysia secara rasmi. Dengan pengetahuan yang mendalam dalam bidang undang-undang, beliau memperolehi satu lagi kelebihan dalam proses perjuangan politiknya.

Kali kedua Lim Kit Siang ditahan di bawah ISA ialah dalam Operasi Lalang 1987. Lim Kit Siang bersama-sama dengan anak lelakinya, Lim Guan Eng merupakan dua orang yang terakhir sekali dilepaskan tanpa syarat dari Kem Tahanan Kamunting pada 19hb. April, 1989. Akhbar *Kwong Wah Yit Poh* menyatakan penahanan kali kedua

20. *DAP Ulang Tahun ke-15 (66-81)*, Democratic Action Party, Petaling Jaya, 1981, hlm. 26.

selama 541 hari ini telah menonjolkan lagi imej Lim Kit Siang sebagai hero bangsa sehingga beliau hampir 'didewa-dewakan' oleh setengah-setengah anggota DAP.²¹

Selama 27 tahun perjuangan Lim Kit Siang dalam politik DAP dan Malaysia, beliau pernah dua kali bertindak meletak jawatan sebagai Setiausaha Agung DAP. Kali pertama perletakan jawatannya ialah pada bulan Oktober, 1980 kerana tidak tahan dituduh oleh anggota di dalam dan di luar Parti DAP sebagai telah salah memilih calon Teoh Teck Huat untuk bertanding dalam pilihanraya kecil di Pengkalan Kota, Pulau Pinang. Kali kedua perletakan jawatannya ialah selepas pilihanraya umum 1990 kerana beliau menuduh dirinya harus bertanggungjawab ke atas kegagalan Projek Tanjung Dua dan gagal dalam membawa sistem dua parti ke dalam pemerintahan Pulau Pinang. Walau bagaimanapun, setelah dipujuk dan dinasihat oleh pemimpin pusat serta majoriti kaum Cina, akhirnya beliau menarik balik surat perletakan jawatannya.

21. *Kwong Wah Yit Poh*, 20hb. Mei, 1989.

BAB IV

LIM KIT SIANG DALAM POLITIK DAP

4.1 Pengenalan

Dalam mana-mana parti politik, pergolakan dan pertentangan kuasa dalaman merupakan fenomena yang biasa. Parti DAP juga tidak ketinggalan daripada menghadapi berbagai perselisihan dalaman sepanjang sejarah perkembangannya. Banyak faktor dipercayai bertanggungjawab menimbulkan krisis dalaman DAP seperti konflik kepentingan, perbezaan ideologi dan pertentangan personaliti. Sudah dapat diduga Lim Kit Siang tidak boleh terlepas dari menjadi sasaran utama segala kritikan itu dalam hampir semua hal perletakan jawatan atau pemecatan anggota parti. Lim Kit Siang dituduh sebagai pemimpin diktator yang mengamalkan *favouritism* dan lebih berusaha untuk mendapat kuasa demi kepentingan politik diri.

Akhbar *Tong Bao* turut mengkritik dan menganggap Lim Kit Siang harus bertanggungjawab ke atas ketandusan anggota berkualiti dalam Parti DAP.¹ Ini disebabkan sejak beliau menjadi Setiausaha Agung Parti pada tahun 1969, DAP telah kehilangan pemimpin yang berbakat satu demi satu. Di antara tokoh yang telah

1. *Tong Bao*, 23hb. Januari, 1988.

meninggalkan Parti DAP ialah Goh Hock Guan dan A. Soorian pada tahun 1973, Oh Keng Seng pada tahun 1975, Yeap Ghim Guan dan Fan Yew Teng pada tahun 1978, Chan Teck Chan pada tahun 1982 dan Lee Lam Thye pada tahun 1990. Lim Kit Siang yang menggunakan cara pentadbiran diktator seolah-olah ingin merampas Parti DAP untuk dijadikan 'harta persendirian'nya.²

Akhbar *Shin Min* pula menyatakan bahawa kini jumlah anggota DAP di luar Parti DAP dijangka lebih ramai daripada anggota dalam Parti DAP. Dengan kata lain, sejak kuasa pemerintahan parti tertumpu dalam tangan Lim Kit Siang, anggota yang meninggalkan parti jauh lebih ramai daripada jumlah anggota DAP pada hari ini kerana tidak puas hati dengan sikap angkuh dan diktator Lim Kit Siang.³ Dakwaan orang ramai bahawa *Lim Kit Siang adalah DAP dan DAP adalah Lim Kit Siang* telah menggambarkan satu kenyataan, iaitu Lim Kit Siang memerintah secara diktator dalam Parti DAP, dan mengenepikan tenaga-tentara muda yang berpotensi untuk menggantikan tempat Setiausaha Agungnya.⁴

Akhbar *New Life Post* juga tidak puas hati dengan Lim Kit Siang yang lebih mengutamakan bakat-bakat baru daripada pemimpin

2. *Ibid.*

3. *Shin Min Daily News*, 1hb. Mei, 1985.

4. *Kwong Wah Yit Poh*, 6hb. Mei, 1985.

veteran yang telah lama berkhidmat dalam parti.⁵ Misalnya, anak lelaki Lim Kit Siang, Lim Guan Eng yang baru tidak lama menyertai DAP telah diberi jawatan sebagai Penolong Setiausaha Publisiti Parti, Kerk Kim Hock yang muda sebaya Lim Guan Eng pula dilantik menjadi Setiausaha Organisasi Parti dan Wee Choo Keong, diberi jawatan sebagai Penolong Setiausaha Organisasi. Jikalau Lim Kit Siang terus mengenepikan pemimpin-pemimpin veteran, terutamanya yang telah banyak menyumbang tenaga kepada parti, ini pasti akan menimbulkan ketidakpuasan dalam parti. Lim Kit Siang tidak harus memandang ringan krisis dalaman ini kerana ianya boleh mengugat keutuhan Parti DAP dan kedudukan Lim Kit Siang sendiri.⁶

Namun begitu, akhbar *See Hua* tidak bersetuju bahawa sikap tegas, agresif dan radikal Lim Kit Siang boleh dituduh sebagai diktator dan tidak demokrasi. Walaupun Lim Kit Siang kuat memegang pendirian diri tetapi belum lagi sampai ke tahap kediktatoran.⁷ Lim Kit Siang boleh berjaya menjadi pemimpin pembangkang yang paling berwibawa dan DAP boleh menjadi parti pembangkang yang paling berpengaruh di Malaysia hari ini adalah jasa Lim Kit Siang yang mempunyai pendirian dan prinsip diri yang kuat.⁸ Pemimpin

5. *New Life Post*, 30hb. Mac, 1991.

6. *Ibid.*

7. *See Hua Daily News*, 2hb. Februari, 1985.

8. *Ibid.*

perlu bersikap tegas agar anggota-anggota parti dapat disatu-padukan di bawah pemerintahannya daripada berpecah-belah.

Tuduh-menuduh dalam politik memang adalah fenomena lumrah yang sukar untuk dielakkan. Perdana Menteri kita, Dr. Mahathir yang begitu berkaliber, berpandangan jauh dan bijak dalam memimpin negara Malaysia ke arah kemajuan juga tidak boleh terlepas daripada tuduhan dan kritikan. Beliau turut dikritik sebagai pemimpin negara yang bersikap diktator dan tidak demokratik terutamanya menyentuh tentang isu hak-hak asasi manusia di negara ini.

Seterusnya saya akan membincangkan dan menghuraikan ulasan akhbar-akhbar Cina terhadap Lim Kit Siang dalam hal pemecatan Chan Teck Chan, bekas Setiausaha Biro Politik DAP yang berpendidikan Cina, dan perletakan jawatan Lee Lam Thye, bekas Penolong Setiausaha Agung DAP yang amat berpengaruh dalam masyarakat Cina bawahan khususnya sehingga beliau digelar sebagai 'Bapa Penjaja' Malaysia.

4.2 Isu Pemecatan Chan Teck Chan

Pada 16hb. Mac, 1981, Lim Kit Siang mengambil tindakan tegas untuk memecat Chan Teck Chan, bekas Setiausaha Biro Politik DAP atas alasan bahawa Chan Teck Chan menyebelahi Seow Hun Khin, Chin Nyuk Soo

dan Goh Lin Eam yang telah dipecat oleh beliau pada 26hb. Februari, 1981 secara terbuka, yang jelas bertentangan dengan hasrat Jawatankuasa Pusat Tertinggi (CEC). Tindakan Lim Kit Siang ini dengan segeranya dikritik oleh musuh politiknya sebagai pemerintah diktator dalam parti, dan yang paling teruk beliau telah dituduh cuba menyingkir anggota berpendidikan Cina dalam Parti DAP.

Akhbar *Tong Bao* mengkritik Lim Kit Siang kerana sejak memegang jawatan sebagai Setiausaha Agung Parti telah mengamalkan cara pemerintahan diktator, dengan menyingkir satu demi satu pemimpin yang berpotensi mengancam kedudukannya dalam parti.⁹ Lim Kit Siang yang ingin mengukuhkan kuasanya dalam DAP kini pula memecat Seow Hun Khin, Chin Nyuk Soo, Goh Lin Eam dan Chan Teck Chan yang menjadi mangsa kepada sikap ghairah kuasa Lim Kit Siang.

Namun, akhbar *New Life Post* tidak berpendapat bahawa Lim Kit Siang bertindak salah atas kes pemecatan empat pemimpin tersebut. Pada awal tahun 1980 lagi, Lim Kit Siang telah menghadapi masalah pengkhianatan daripada empat pemimpin tersebut terhadap Parti DAP, tetapi lewat sehingga bulan Mac, 1981, Lim Kit Siang baru mengambil langkah tegas untuk memecat mereka. Ini telah menunjukkan bahawa Lim Kit Siang bertolak ansur sehingga tidak dapat tahan lagi dengan

9. *Tong Bao*, 5hb. April, 1981 dan 23hb. Januari, 1988.

pengkhianatan mereka yang dikira keterlaluan itu barulah mengambil keputusan berat ini.¹⁰ Sebenarnya Lim Kit Siang telah cuba beberapa kali untuk menyelamatkan perpecahan dalam parti tetapi malangnya ‘pengkhianat-pengkhianat’ tersebut enggan berkompromi dengannya. Sebaliknya mereka cuba merosakkan imej Lim Kit Siang di luar Parti DAP.¹¹

Chan Teck Chan yang dipecat menuju Lim Kit Siang mengamalkan cara kepimpinan diktator dalam parti. Jikalau tuduhan ini adalah benar, kenapa Lim Kit Siang masih dapat berdiri teguh dalam Parti DAP lebih daripada 10 tahun? dan mengapa sehingga kini masih tidak kedengaran suara menentang pimpinan Lim Kit Siang daripada pemimpin-pemimpin CEC dan anggota DAP?¹² Akhbar Kin Kwok juga memberi ulasan bahawa jikalau Seow Hun Khin, Chin Nyuk Soo, Goh Lin Eam dan Chan Teck Chan tidak melanggar polisi dan disiplin parti, Lim Kit Siang tidak akan memecat mereka.¹³ Lim Kit Siang memecat mereka adalah kerana mereka tidak mematuhi disiplin parti, bukan kerana mereka berpendidikan Cina.

Dalam mana-mana parti politik sekalipun, termasuk parti

10. *New Life Post*, 30hb. Mei, 1981.

11. *Ibid.*

12. *Ibid.*

13. *Kin Kwok Daily News*, 2hb. Mei, 1981 dan *Sin Chew Jit Poh*, 8hb. September, 1981.

komponen BN, menyingkir anggota yang tidak menurut arahan pusat adalah fenomena politik yang lazim.¹⁴ Ini adalah penting untuk menjaga keutuhan dan kestabilan dalam parti. Lim Kit Siang memecat anggota yang kesemuanya berpendidikan Cina adalah secara kebetulan sahaja, tetapi malangnya ia telah diheboh-hebohkan oleh pihak lawan.¹⁵ Tan Seng Giaw dan Liew Ah Kim yang diberi jawatan penting dalam parti adalah juga berpendidikan Cina, tetapi mereka tidak pernah diketepikan oleh pemimpin pusat. Malahan kedua-dua mereka yang berpendidikan Cina ini turut menyokong Lim Kit Siang memecat empat orang 'pengkhianat' parti itu yang bersubahat dengan musuh politik untuk menghapuskan DAP.¹⁶

Akbar *Kin Kwok* bertarikh 2hb. Mei, 1981 juga tidak percaya bahawa Lim Kit Siang, seorang ahli politik yang bijak boleh melakukan tindakan 'bodoh' ini kerana beliau pasti akan sedar bahawa DAP berdiri teguh dalam arena politik Malaysia sehingga hari ini adalah hasil sokongan daripada masyarakat Cina. Beliau tidak akan membuat keputusan yang bertentangan dengan hasrat kaum Cina.¹⁷ Jikalau Lim Kit Siang memandang hina anggota berpendidikan Cina, beliau tidak akan mendirikan sebuah 'Jawatankuasa Khas Memelihara

14. *China Press*, 12hb. September, 1981.

15. *Kin Kwok Daily News*, 2hb. April, 1981.

16. *New Life Post*, 30hb. Mei, 1981.

17. *Kin Kwok Daily News*, 2hb. April, 1981.

Pendidikan Cina' untuk mengkaji dan menyelesaikan masalah pendidikan Orang Cina di Malaysia.¹⁸

Chan Teck Chan yang dipecat dengan segera mengumumkan bahawa beliau akan menubuhkan sebuah parti politik baru untuk menentang DAP secara terbuka telah membuktikan bahawa beliau telah lama berniat jahat untuk memusnahkan DAP sebelum dipecat oleh Lim Kit Siang lagi menurut akhbar *Kin Kwok*.¹⁹ Oleh itu, Lim Kit Siang yang bertindak memecat 'pengkhianat' parti itu boleh dianggap tidak salah!

Walaupun DAP menghadapi tumparan yang hebat akibat daripada krisis dalaman sejak 1980 lagi, tetapi Parti DAP di bawah kepimpinan Lim Kit Siang tidak akan terus lenyap dari arena politik.²⁰ Ini disebabkan Parti MCA dan Gerakan tidak berupaya langsung untuk memperjuangkan kepentingan masyarakat Cina dalam kabinet.²¹ Manakala DAP di bawah kepimpinan Lim Kit Siang lebih berani menghentam segala dasar kerajaan yang tidak adil kepada masyarakat Cina. Justeru itu, demi kepentingan bangsa parti ini tidak boleh lenyap dari arena politik.

18. *Ibid.*, 2hb. Mei, 1981.

19. *Ibid.*

20. *New Life Post*, 10hb. Julai, 1981.

21. *Ibid.*

Chan Teck Chan yang dipecat kemudian menyertai Parti MCA dan dilantik menjadi pemimpin MCA cawangan Melaka. Lim Kit Siang menyesali bahawa mencungkil bakat Chan Teck Chan adalah kesilapan paling besar yang dilaku olehnya. Beliau mengakui bahawa krisis dalaman itu telah memberi tamparan yang amat hebat kepada DAP. Lim Kit Siang menafikan bahawa beliau memimpin secara diktator dalam parti kerana beliau sendiri adalah pemimpin CEC yang terakhir sekali menyetujui pemecatan Chan Teck Chan dari DAP.²²

4.3 Krisis Perletakan Jawatan Lee Lam Thye 1990

Tanggal 29hb. September, 1990, politik tanahair dikejutkan dengan pengumuman Lee Lam Thye, iaitu bekas Timbalan Setiausaha Agung DAP dan anggota Parlimen Bukit Bintang untuk bersara terus daripada politik atas alasan tidak tahan tindak-tanduk beberapa pemimpin Wilayah Persekutuan yang didakwa 'menikamnya daripada belakang'. Untuk meredakan ketegangan di dalam dan di luar parti, Lim Kit Siang mengambil langkah tegas dengan mengarahkan semua anggota parti tutup mulut iaitu dilarang mengeluarkan sebarang ulasan, pandangan dan kenyataan kepada umum, terutamanya media massa.

22. Temubual dengan Lim Kit Siang dalam *Sin Chew Jit Poh*, 8hb. September, 1981.

Pernyataan Lim Kit Siang ini dengan segera menimbulkan reaksi negatif dari akhbar tempatan. Akhbar *Nanyang Siang Pau* mengkritik arahan tegas Lim Kit Siang telah jelas mencerminkan sikapnya yang sebenar, iaitu tiada kebebasan, atau apa yang dipanggil demokrasi dalam DAP di bawah kepimpinannya.²³ Tidak keterlaluan jika dikatakan Lim Kit Siang yang melaung-laungkan kebebasan hak asasi dan demokrasi di Malaysia sendiri tidak pernah mempraktikkan semangat demokrasi dalam Parti DAP, dan arahan yang ketat ini jelas menggambarkan corak pentadbirannya yang bersifat diktator, yang menghendaki orang bawahan cuma mengikut telunjuk, tanpa diberi kebebasan bersuara.²⁴

Daripada ulasan *Tong Bao* jelas menunjukkan akhbar ini lebih bersimpati dengan Lee Lam Thye daripada Lim Kit Siang. Oleh kerana Lim Kit Siang bersikap diktator dan angkuh, Lee Lam Thye walaupun adalah Timbalan Setiausaha Agung Parti tetapi beliau tidak ada kuasa langsung dalam parti.²⁵ Di bawah cengkaman Lim Kit Siang, Lee Lam Thye tidak berpeluang untuk memberi pandangan, rasa ketidakpuasan serta tiada peluang untuk memanjat ke jawatan yang lebih tinggi lagi dalam parti.²⁶ Lim Kit Siang berasa cemburu dan

23. *Nanyang Siang Pau*, 5hb. Oktober, 1990.

24. *Ibid.*; *Tong Bao*, 11hb. Oktober, 1990.

25. *Tong Bao*, 11hb. Oktober, 1990.

26. *Ibid.*

Pernyataan Lim Kit Siang ini dengan segera menimbulkan reaksi negatif dari akhbar tempatan. Akhbar *Nanyang Siang Pau* mengkritik arahan tegas Lim Kit Siang telah jelas mencerminkan sikapnya yang sebenar, iaitu tiada kebebasan, atau apa yang dipanggil demokrasi dalam DAP di bawah kepimpinannya.²³ Tidak keterlaluan jika dikatakan Lim Kit Siang yang melaung-laungkan kebebasan hak asasi dan demokrasi di Malaysia sendiri tidak pernah mempraktikkan semangat demokrasi dalam Parti DAP, dan arahan yang ketat ini jelas menggambarkan corak pentadbirannya yang bersifat diktator, yang menghendaki orang bawahan cuma mengikut telunjuk, tanpa diberi kebebasan bersuara.²⁴

Daripada ulasan *Tong Bao* jelas menunjukkan akhbar ini lebih bersimpati dengan Lee Lam Thye daripada Lim Kit Siang. Oleh kerana Lim Kit Siang bersikap diktator dan angkuh, Lee Lam Thye walaupun adalah Timbalan Setiausaha Agung Parti tetapi beliau tidak ada kuasa langsung dalam parti.²⁵ Di bawah cengkaman Lim Kit Siang, Lee Lam Thye tidak berpeluang untuk memberi pandangan, rasa ketidakpuasan serta tiada peluang untuk memanjat ke jawatan yang lebih tinggi lagi dalam parti.²⁶ Lim Kit Siang berasa cemburu dan

23. *Nanyang Siang Pau*, 5hb. Oktober, 1990.

24. *Ibid.*; *Tong Bao*, 11hb. Oktober, 1990.

25. *Tong Bao*, 11hb. Oktober, 1990.

26. *Ibid.*

bimbang Lee Lam Thye yang mempunyai rekod perkhidmatan yang cemerlang dan disokong kuat oleh masyarakat Cina bawahan khususnya akan mengancam kedudukan teguhnya dalam parti. Oleh itu, beliau menyingkir Lee Lam Thye dari parti agar dapat melemahkan pengaruh Lee Lam Thye dalam masyarakat Cina.²⁷ Sebenarnya Lee Lam Thye adalah seorang pemimpin yang jujur dan tiada niat jahat untuk merampas kuasa dalam parti. Jika beliau berniat untuk merampas kuasa, beliau berpeluang untuk berbuat demikian ketika menjadi Pemangku Setiausaha Agung Parti lagi semasa Lim Kit Siang ditahan di bawah Operasi Lalang 1987 di Kem Tahanan Kamunting. Tetapi Lee Lam Thye tidak berbuat demikian.²⁸ Sebaliknya beliau sering meminta nasihat daripada Lim Kit Siang semasa menjadi Pemangku Setiausaha Agung.

Lim Kit Siang boleh dikatakan sama seperti Dr. Lim Chong Eu, bekas Ketua Menteri Pulau Pinang dan Ketua Parti Gerakan yang juga tidak membenarkan orang lain mencabar kedudukannya.²⁹ Lim Kit Siang patut sedar bahawa sikap kediktatoran pemimpin tidak sesuai lagi untuk zaman ini dan beliau harus mengikut polisi demokrasi, iaitu 'memimpin bersama, menanggung bersama'.³⁰

27. *Ibid.*

28. *Ibid.*

29. *International Times*, 14hb. Oktober, 1990.

30. *Tong Bao*, 11hb. Oktober, 1990.

Terdapat juga ura-ura yang menyatakan bahawa Lee Lam Thye bersara kerana keperibadian dan stail politiknya dengan Lim Kit Siang yang berlainan sama sekali, iaitu Lim Kit Siang bersikap lebih radikal dan ekstrim, manakala Lee Lam Thye bersikap sederhana dan lembut. Ulasan dalam akhbar *China Press* menyatakan tuduhan ini tidak berasas sama sekali. Jika Lee Lam Thye tidak senang hati dengan stail politik Lim Kit Siang, beliau tidak akan berjuang bersama-sama dengan Lim Kit Siang dalam Parti DAP lebih daripada 20 tahun.³¹ Akhbar ini amat bersimpati dengan Lim Kit Siang yang menjadi *scapegoat* dalam krisis perletakan jawatan Lee Lam Thye. Menurut akhbar *Kwang Min* juga, sebab sebenar persaraan Lee Lam Thye dari politik hanya Lee Lam Thye sendiri yang tahu, dan beliau pasti ada sebab persendirian yang sukar untuk diumumkan,³² bukan kerana berlainan pendapat, berlainan stail politik dan memegang ideologi politik yang berlainan dengan Lim Kit Siang.³³ Ini disebabkan sehingga kini, Lim Kit Siang masih membuka dada mengalu-alukan Lee Lam Thye kembali semula ke dalam parti.³⁴ Semua kritikan negatif terhadap Lim Kit Siang cuma adalah satu taktik politik atau hasutan parti komponen BN yang ingin melihat DAP lenyap

31. *China Press*, 4hb. Oktober, 1990

32. *Kwang Min Daily News*, 1hb. Disember, 1991.

33. *Ibid.*, *China Press*, 4hb. Oktober, 1990 dan *Kwong Wah Yit Poh*, 19hb. April, 1991.

34. *Kwong Wah Yit Poh*, 19hb. April, 1991.

diri dari arena politik.³⁵ Lee Lam Thye harus memberi satu penjelasan yang lebih terang lagi kepada umum mengapa beliau bersara dari politik agar tidak timbul berbagai spekulasi yang tidak adil kepada mangsa tuduhan seperti Lim Kit Siang dan Tan Kok Wai.³⁶

Akhbar *Kwang Min* juga memberi ulasan yang jelas menyokong Lim Kit Siang. Akhbar ini mencurigai kejujuran kata-kata Lee Lam Thye yang menegaskan dirinya tetap menyokong DAP dan menyeru penyokong-penyokongnya supaya terus menyokong DAP dengan sepenuhnya dalam pilihanraya.³⁷ Jikalau Lee Lam Thye benar-benar menyokong DAP, beliau tidak akan bersara dari politik dalam saat-saat genting menghadapi pilihanraya umum 1990. Ini disebabkan tindakan Lee Lam Thye itu boleh memberi tamparan yang amat hebat kepada usaha Lim Kit Siang dalam membawa sistem dua parti ke dalam sistem pemerintahan Malaysia.³⁸

Terdapat juga khabar angin yang tersebar bahawa Lee Lam Thye tidak puas hati dengan Lim Kit Siang yang cuba memindahnya dari kubu kuatnya di kawasan Kuala Lumpur atas tujuan untuk melemahkan pengaruh

35. *Ibid.*

36. *China Press*, 7hb. Oktober, 1990.

37. *Kwang Min Daily News*, 12hb. Oktober, 1990 dan *International Times*, 6hb. Oktober, 1990.

38. *Ibid.*

pemimpin yang berselisih faham dengan beliau. Jika Lee Lam Thye betul-betul menyokong DAP dan mengutamakan kepentingan seluruh parti DAP, beliau tidak harus memain emosi atas perintah Lim Kit Siang ini.³⁹ Jikalau Lim Kit Siang sendiri boleh berpindah dari kubu kuatnya di Melaka ke Pulau Pinang, begitu juga dengan calon-calon lain demi untuk kepentingan parti, mengapa Lee Lam Thye tidak boleh berbuat demikian?⁴⁰ Begitu juga jikalau adalah benar Lee Lam Thye tidak puas hati dengan keputusan Lim Kit Siang bekerjasama dengan Parti Semangat 46 untuk merealisasikan sistem dua parti dalam pilihanraya umum 1990, ini adalah kerana Lee Lam Thye lebih mengutamakan kepentingan diri daripada kepentingan Parti DAP.

Ramai penganalisis politik meramalkan bahawa perletakan jawatan Lee Lam Thye pasti akan memberi tamparan hebat kepada imej Parti DAP atau Lim Kit Siang dan prestasi parti dalam pilihanraya umum 1990. Tetapi akhbar *International Times* tidak berpandangan demikian. Menurut akhbar ini, pengundi menyokong DAP kerana pemimpin-pemimpin DAP, terutamanya Lim Kit Siang berani menyuarakan rasa ketidakpuasan dan hasrat rakyat di dalam Parlimen.⁴¹ Oleh

39. *Kwang Min Daily News*, 12hb. Oktober, 1990.

40. *Ibid.*

41. *International Times*, 6hb. Oktober, 1990.

itu, walaupun Lee Lam Thye meninggalkan Parti DAP, namun DAP tidak akan terus berpecah-belah.⁴² Penyokong-penyokongnya hanya akan menyesali kerana kehilangan seorang wakil rakyat yang banyak berkhidmat kepada masyarakat.⁴³ Ulasan dalam akhbar *New Life Post* juga berpandangan sama seperti akhbar *International Times*, iaitu pengundi di kawasan Bukit Bintang walaupun menyokong Lee Lam Thye, tetapi jika mereka dipaksa untuk membuat pilihan, mereka lebih rela 'memilih parti daripada memilih calon'.⁴⁴ Ini disebabkan mereka memerlukan suara pembangkang dalam kerajaan untuk memperjuangkan keadilan dan kepentingan rakyat di negara ini. Kemenangan calon DAP, Wee Choo Keong yang menggantikan Lee Lam Thye untuk bertanding di kawasan Bukit Bintang, Kuala Lumpur telah membuktikan bahawa Orang Cina di kawasan bandar lebih rela mengundi calon-calon pembangkang daripada calon MCA atau Gerakan, yang dituduh tidak berkeupayaan oleh kebanyakan kaum Cina.

42. *Ibid.*

43. *Ibid.*

44. *New Life Post*, 2hb. Februari, 1991.

BAB V

LIM KIT SIANG SEBAGAI PEMIMPIN PEMBANGKANG

5.1 Isu Berkaitan Dengan Masyarakat Malaysia

5.1.1 Konsep *Malaysia Untuk Semua Rakyat Malaysia*

Konsep *Malaysia Untuk Semua Rakyat Malaysia* adalah matlamat politik Parti DAP yang diperjuangkan oleh pemimpin-pemimpin DAP termasuk Lim Kit Siang. Konsep ini memperjuangkan kesamarataan di antara semua kaum di Malaysia.

Akhbar *Sin Wan* menggambarkan slogan Lim Kit Siang ini sebagai satu 'impihan politik' yang tidak mungkin dapat direalisasikan dalam realiti politik perkauman di Malaysia.¹ Dato Onn dengan Parti Kemerdekaan Malaya (IMP)nya yang bercorak berbilang kaum seperti DAP akhirnya lenyap juga dari arena politik kerana tidak dapat memperolehi sokongan rakyat menjadi satu bukti yang amat konkret bahawa rakyat tidak menerima konsep parti berbilang kaum.² Adalah hakikat bahawa Lim Kit Siang tidak berani atau tidak pernah

1. *Sin Wan Press*, 27hb. Januari, 1987.

2. *Ibid.*

bertanding di kawasan pilihanraya yang majoriti pengundinya terdiri daripada Orang Melayu kerana beliau sedar bahawa Orang Melayu tidak akan menyokong calon bukan Melayu dari pihak pembangkang apatah lagi dengan slogan DAP ini.³ Satu hakikat perlu diakui oleh Lim Kit Siang iaitu Orang Melayu tidak mudah melepaskan hak dan keistimewaan yang telah lama dinikmati oleh mereka untuk berkongsi bersama-sama dengan kaum lain.⁴ Dengan kata lain, jikalau Lim Kit Siang hanya bergantung kepada konsep *Malaysia Untuk Semua Rakyat Malaysia* ini untuk mendapat sokongan daripada kaum Melayu, perjuangan beliau pasti akan menemui kegagalan.⁵ Ini juga membuktikan bahawa Lim Kit Siang tidak berupaya untuk menafikan politik perkauman di Malaysia dan beliau sendiri menghadapi dilema besar ketika melaung-laungkan slogan DAP ini.⁶ Lim Kit Siang sehingga kini masih gagal membentuk imej partinya supaya lebih bercorak Malaysia. Sehingga kini, DAP masih diidentifikasi dengan Orang Cina sahaja. Beliau tidak pernah berusaha gigih untuk mendapat sokongan dari kaum Melayu dan cuba menyakinkan kaum Melayu terhadap perjuangan politik DAP.⁷ Ini adalah kegagalan paling besar Lim Kit Siang dan Parti DAP yang dipimpinnya. Akhbar Tong

3. *Ibid.*

4. *Tong Bao*, 30hb. Oktober, 1990.

5. *Sin Chew Jit Poh*, 27hb. Mei, 1981.

6. *Sin Wan Press*, 27hb. Januari, 1987.

7. *Kwong Wah Yit Poh*, 30hb. Oktober, 1990.

Bao berpandangan bahawa selagi Lim Kit Siang tidak berupaya untuk mendapat sokongan dan keyakinan daripada kaum Melayu, selagi itulah DAP akan menemui kegagalannya dalam perjuangan politiknya.⁸

Walaupun Lim Kit Siang menemui kegagalan dalam usaha mencapai matlamat politiknya, beliau tidak dengan itu berputus asa. Beliau berkata bahawa perjuangan politik adalah satu matlamat jangka panjang yang perlu mengambil masa yang lama untuk merealisasikannya.⁹ Komitmen politik Lim Kit Siang yang kuat dapat dilihat melalui kata-katanya, iaitu

"Selain daripada rakyat berupaya memusnahkan DAP, tiada kuasa lain boleh memusnahkannya, dan DAP sendiri tidak akan melenyapkan diri dari arena politik"¹⁰

"... saya bersedia untuk disingkir oleh rakyat, tetapi saya tidak akan meninggalkan rakyat selagi rakyat memerlukan perjuangan saya."¹¹

Tidak sukar bagi Lim Kit Siang untuk memperolehi satu jawatan penting dalam kerajaan tetapi beliau tidak akan berbuat demikian kerana ianya

8. *Tong Bao*, 9hb. November, 1990.

9. *China Press*, 7hb. Disember, 1991.

10. *Nanyang Siang Pau*, 28hb. Oktober, 1990.

11. *Ibid.*, 5hb. November, 1990.

bertentangan dengan komitmen dan prinsip politik yang dipegangnya selama ini.¹²

5.1.2 Isu Lebuhraya Utara-Selatan

Skandal Lebuhraya Utara-Selatan, atau digambarkan oleh pemimpin DAP sebagai 'Pelanunan Projek Lebuhraya Utara-Selatan' yang melibatkan kepentingan rakyat Malaysia mula-mula dibahaskan oleh Lim Kit Siang dalam Parlimen pada 9hb. Julai, 1987. Lim Kit Siang menggambarkan projek yang menelan belanja RM3.4 bilion yang ditawar kepada United Engineers Malaysia (UEM) bukan hanya merupakan projek yang paling mahal sekali tetapi juga mungkin menjadi skandal yang terbesar sekali, iaitu lebih besar daripada Skandal Bumiputera Malaysia Finance (BMF) bernilai RM2.5 bilion.¹³

Menurut akhbar-akhbar Cina, kemusykilan yang dibangkit oleh Lim Kit Siang terhadap projek raksasa tersebut harus diambil berat oleh pihak kerajaan dan rakyat. Keberanian dan sikap inisiatif Lim Kit Siang membongkar skandal tersebut yang melibatkan kepentingan

12. *Tong Bao*, 10hb. Julai, 1986.

13. Untuk maklumat selanjutnya, sila rujuk Lim Kit Siang, *Skandal Lebuhraya Utara-Selatan*, Democratic Action Party, Petaling Jaya, 1987.

generasi sekarang dan pada masa akan datang harus dipuji.¹⁴ Lim Kit Siang berlainan dengan wakil-wakil MCA dalam kabinet yang jarang sekali mempertahan dan memperjuangkan kepentingan rakyat.¹⁵ Menurut akhbar *Sin Chew Jit Poh*, Lim Kit Siang telah mengkaji, menyiasat dan menganalisa kontrak penswastaan Lebuhraya Utara-Selatan di antara kerajaan dan UEM dengan amat teliti.¹⁶ Beliau telah mengemukakan persoalan-persoalan kepada kerajaan yang amat mendalam dan bertaraf profesional berkenaan dengan projek tersebut.¹⁷ Jika tidak kerana Lim Kit Siang, skandal yang membabitkan berjuta-juta ringgit ini pasti tidak diketahui oleh rakyat.

Sebagai wakil rakyat, Lim Kit Siang berhak membawa kes ini ke mahkamah untuk dibicarakan dan menahan kerajaan daripada menandatangani kontrak penswastaan ini dengan UEM yang merugikan rakyat pada jangka masa panjang.¹⁸ Adalah nyata bahawa Lim Kit Siang membawa kes ini ke mahkamah bukan untuk kepentingan diri tetapi untuk kebaikan umum.¹⁹

-
14. *Nanyang Siang Pau* dan *Sin Chew Jit Poh*, 14hb. Ogos, 1987.
 15. *China Press*, 25hb. September, 1987.
 16. *Sin Chew Jit Poh*, 14hb. Ogos, 1987.
 17. *Ibid.*
 18. *Tong Bao*, 16hb. Januari, 1988.
 19. *Ibid.*

Namun begitu, akbar *Sin Wan* tidak berpandangan bahawa Lim Kit Siang mengungkitkan skandal ini semata-mata untuk kepentingan awam. Akbar ini menuduh Lim Kit Siang mengeksploitasi isu ini untuk menonjolkan imej diri dan parti.²⁰ Tuduhan ini timbul berikutan daripada keengganan beliau untuk menyertai 'Kempen Menentang Rasuah' yang digerak oleh 15 buah parti politik dan persatuan sukarela. Ini telah menunjukkan bahawa Lim Kit Siang tidak ingin peluang keemasan yang dapat meningkatkan reputasi Parti DAP ini dikongsi bersama dengan parti politik yang lain.²¹

Dari ulasan akbar-akbar Cina, adalah jelas bahawa akbar Cina menyokong kuat desakan Lim Kit Siang supaya kerajaan berfikir secara mendalam sebelum menandatangani kontrak Lebuhraya Utara-Selatan dengan UEM. Akbar Cina menyeru kerajaan supaya mengasingkan kegiatan politik daripada kegiatan ekonomi dan mengariskan secara jelas kepentingan awam dengan kepentingan parti. Keuntungan yang diperolehi oleh UEM kononnya adalah untuk membayar hutang UMNO dalam pembinaan Bangunan UMNO.²² Dengan kata lain, mulai hari ini rakyat Malaysia yang membayar tol sebenarnya telah secara paksa menderma wang kepada Parti UMNO.²³ Seperti yang

20. *Sin Wan Press*, 20hb. September, 1987.

21. *Ibid.*

22. *Sin Chew Jit Poh*, 7hb. September, 1987 dan *Nanyang Siang Pau*, 20hb. Oktober, 1987.

23. *Sin Chew Jit Poh*, 7hb. September, 1987.

dipersoalkan oleh Lim Kit Siang, tol yang dipungut itu adalah untuk perbendaharaan negara atau untuk Parti UMNO?²⁴ Kita tidak seharusnya sampai ke satu tahap di mana apabila orang bertanya, "Untuk Siapakah Tol Dibayar?", jawapannya pula ialah "Tol Dibayar Untuk UMNO!". Sikap kerajaan yang tidak mengutamakan kepentingan rakyat jelas bertentangan dengan janji-janji kerajaan sebelum pilihanraya umum 1986 iaitu 'Membela Rakyat Adalah Tradisi Kita'.²⁵

Sebagai kesimpulannya, akhbar-akhbar Cina menyeru supaya kerajaan akan mempertimbangkan semula bantahan Lim Kit Siang ke atas penyerahan projek penswastaan Lebuhraya Utara-Selatan kepada syarikat UEM. Ini disebabkan seperti yang dituduh oleh Lim Kit Siang, syarikat UEM tidak berpengalaman langsung dalam pembinaan jalanraya. Selain itu, UEM adalah sebuah syarikat yang mempunyai rekod pencapaian yang teruk sehingga digantung dari Pasaran Saham Kuala Lumpur pada 12hb. Mei, 1983, dan syarikat itu juga menanggung kerugian terkumpul sebanyak RM90 juta dari tahun 1981 hingga 1985. Kerajaan harus memastikan bahawa rakyat tidak akan menanggung beban tol yang berat pada masa hadapan.²⁶

24. *Ibid.*

25. *Ibid.*

26. *Ibid.*

5.2 Isu Berkaitan Dengan Masyarakat Cina

5.2.1 Isu Bukit China

Isu Bukit China mula bergelora dalam masyarakat Cina apabila Ketua Menteri Melaka, Datuk Seri Abdul Rahim bin Datuk Tamby Chik mengumumkan rancangan kerajaan untuk membangunkan Bukit China pada 5hb. Oktober, 1983. Pemimpin-pemimpin Cina masing-masing memberi pendirian dan pandangan sehingga mengelirukan masyarakat siapakah sebenarnya yang jujur dalam menyelesaikan krisis genting ini. Majoriti Orang Cina membantah Bukit China dirata dan dibangunkan menjadi kawasan perdagangan kerana Bukit China mempunyai signifikan dari segi budaya dan sejarah Orang-orang Cina dalam pembangunan negara Malaysia. Lim Kit Siang turut membantah dengan mengadakan beberapa kempen seperti 'Kempen Seorang Seringgit', 'Kempen Memelihara Bukit China' dan mendapatkan tandatangan masyarakat Cina sebagai protes kepada pembangunan Bukit China.

Akhbar-akhbar Cina membuat liputan dan ulasan yang luas terhadap isu tersebut. *Ta Chung Daily News* menyokong kuat puak Tan dalam MCA seperti Tan Khoon Swan dan Chan Teck Chan supaya membangunkan Bukit China menjadi kawasan perdagangan seperti yang dicadangkan oleh kerajaan Negeri Melaka. Sebaliknya Lim Kit Siang yang bercanggah pendapat dengan puak Tan dalam isu ini dikecam teruk. Lim Kit Siang dituduh mahu menonjol diri sebagai hero

masyarakat Cina dalam isu tersebut. Sebelum mengkaji masalah dengan teliti, Lim Kit Siang telah bergopoh-gapah mengadakan 'Kempen Seorang Seringgit' untuk mendapat wang daripada masyarakat bagi membayar cukai tanah Bukit China sebanyak RM2 juta kepada kerajaan.²⁷ Sebenarnya Lim Kit Siang sebagai Ketua Pembangkang harus membantah habis-habisan tindakan kerajaan yang tidak rasional ini kerana dalam Perlembagaan telah termaktub bahawa semua tanah perkuburan adalah bebas dari cukai.²⁸ Namun begitu, Lim Kit Siang tidak memainkan tanggungjawab yang sepatutnya. Sebaliknya beliau pandai kuat menjerit sahaja tanpa sebarang tindakan yang praktikal.

Akhbar *Sin Chew Jit Poh* turut mempersoalkan 'Kempen Seorang Seringgit' Lim Kit Siang. *Kami yakin bahawa Lim Kit Siang berupaya mendapat RM2 juta atau jumlah wang yang lebih banyak lagi daripada masyarakat Cina, tetapi membayar cukai tidak dapat menjamin bahawa masalah Bukit China akan diselesaikan selama-lamanya.*²⁹ Lim Kit Siang tidak boleh menjamin bahawa kerajaan tidak akan mengungkit-ungkitkan isu Bukit China misalnya mengejar cukai tanah Bukit China lagi.

27. *Ta Chung Daily News*, 10hb. Disember dan 14hb. Disember, 1984.

28. *Ibid.*

29. *Sin Chew Jit Poh*, 1hb. Disember, 1984.

Akhbar *Tong Bao* pula mengkritik Lim Kit Siang menjadi Bukit China sebagai modal politiknya.³⁰ *Nanyang Siang Pau* mengkritik Lim Kit Siang dan Tan Khoon Swan yang tuduh-menuduh di antara satu sama lain atas isu Bukit China semata-mata untuk memenangi lebih banyak modal politik, iaitu 'membahaskan nama dan kepentingan' masing-masing daripada mempertahankan kepentingan umum.³¹ Mereka seharusnya berbincang secara tenang dan serius dalam mencari jalan penyelesaian, bukan cabar-mencabar di antara satu sama lain tanpa sebarang pandangan yang membina. Nampaknya Puak Tan dan Lim Kit Siang paling sesuai digambarkan sebagai *opportunist*, lebih-lebih lagi pada saat genting menghadapi pilihanraya umum yang akan datang.³²

Walau bagaimanapun, sikap radikal Lim Kit Siang juga telah dipuji oleh beberapa akhbar Cina. Akhbar *Wah Seong* menyatakan bahawa walaupun Lim Kit Siang disyaki mempunyai niat politik dalam isu hangat tersebut, namun sekurang-kurangnya beliau telah meluahkan perasaan dan hasrat Orang Cina dalam isu tersebut.³³ Kempen-kempen memelihara Bukit China yang dijalankan oleh Lim Kit

30. *Tong Bao*, 14hb. Disember, 1984.

31. *Nanyang Siang Pau*, 28hb. November, 1984; *Sin Chew Jit Poh*, 3hb. Disember, 1984 dan *Wah Seong Press*, 18hb. Disember, 1984.

32. *Wah Seong Press*, 1hb. September, 1984.

33. *Ibid.*, 13hb. Oktober, 1984.

Siang telah mendapat sambutan yang hangat daripada masyarakat Cina. Oleh itu, usaha beliau tidak harus dipandang ringan.³⁴

Dalam akhbar *Sin Chew Jit Poh* ditulis bahawa kerajaan tidak boleh menyalahkan parti pembangkang daripada mempolitikkan isu Bukit China kerana dalam negara demokrasi, parti pembangkang mempunyai kuasa untuk membangkang dan mengkritik dasar kerajaan yang tidak adil.³⁵ Kerajaan tidak harus menggunakan alasan bahawa isu Bukit China telah dipolitikkan dengan bersikap keras dan tidak menyelesaikan masalah secara musyawarah. Masalah kini bukan samada isu Bukit China telah dipolitikkan atau tidak, tetapi adakah rasional kerajaan bertindak sewenang-wenangnya ke atas tinggalan sejarah kaum Cina di negara ini? ³⁶

Sebagai rumusan, hampir semua akhbar Cina kecuali *Ta Chung Daily News* membantah kerajaan meratakan Bukit China untuk dijadikan kawasan perdagangan. Akhbar-akhbar Cina berharap pemimpin-pemimpin termasuk Lim Kit Siang jangan bertindak tergesa-gesa dalam isu tersebut tetapi harus bersatu-padu di bawah Cheng Hoon Teng, iaitu pemegang amanah Bukit China untuk mencari satu jalan penyelesaian yang lebih baik. Kebanyakan akhbar Cina tempatan berasa kecewa

34. *Ibid.*

35. *Sin Chew Jit Poh*, 15hb. Julai, 1984.

36. *Ibid.*

dengan sikap pemimpin politik kita termasuk Lim Kit Siang. Ini disebabkan pemimpin-pemimpin Cina tidak menyelesaikan masalah ini dengan serius. Sebaliknya mereka 'lebih tekun' dengan tuduh-menuduh, marah-memarahi dan hina-menghina di antara satu sama lain, iaitu masing-masing mencela pihak lawan sebagai penjual kepentingan Orang Cina daripada mengatasi masalah secara rasional. Sikap pemimpin politik Cina yang tidak bersatu-padu dikecam kuat oleh akhbar-akhbar Cina tempatan.

5.2.2 Isu Koperasi Pengambilan Deposit (KPD)

'Harapkan pagar, pagar makan padi' ! Skandal KPD yang membabitkan beberapa pemimpin MCA seperti Kee Yong Wee, Tan Khoon Swan, Wang Choon Wing, Choo Ching Hwa dan Tee Ah Chuan meletus selepas pilihanraya 1986. Skandal ini membabitkan kira-kira 588,000 orang yang kebanyakannya terdiri daripada Orang Cina.³⁷ Lim Kit Siang menuduh kerajaan mahu menjaga prestasinya dalam pilihanraya 1986 dengan cuba menutup skandal tersebut kepada umum sehingga selepas pilihanraya. Pengkajian yang dijalankan selepas skandal KPD

37. Untuk maklumat lanjut, sila rujuk Edmund Terence Gomez, *Money Politics In The Barisan Nasional*, Forum Publications, Petaling Jaya, 1991.

meletus telah membuktikan bahawa tuduhan Lim Kit Siang itu adalah benar.³⁸

Akhbar *Tong Bao* menuduh DAP di bawah kepimpinan Lim Kit Siang tidak membuat sebarang cadangan membina dalam menyelesaikan masalah KPD selain daripada mendesak MCA dan BN berbuat sesuatu supaya wang dipulangkan kepada pendeposit.³⁹ Pemimpin-pemimpin DAP yang menganjurkan beberapa tunjuk perasaan hanya mengeruhkan suasana sahaja, dan adalah jelas tujuan utama mereka adalah untuk mendapat publisiti murah. Tetapi ini memanglah salah satu tugas parti pembangkang - menangguk di air keruh.⁴⁰

Tunjuk perasaan yang dirancang oleh pemimpin DAP termasuk Lim Kit Siang jelas mempunyai matlamat politik, iaitu beliau mahu merosakkan reputasi MCA dan menghina pemimpin-pemimpin MCA. Dua puluh empat buah koperasi yang dibeku oleh Bank Negara bukan salah Parti MCA. Oleh itu, tiada alasan konkret bagi pembangkang mengadakan demonstrasi di ibu pejabat MCA.⁴¹ Jikalau pemimpin DAP mahu memenangi lebih banyak lagi modal politik, mereka sepatutnya memimpin pendeposit mengadakan tunjuk perasaan di depan

38. Edmund Terence Gomez, *op. cit*, hlm.57.

39. *Tong Bao*, 10hb. November, 1986.

40. *Ibid.*, 18hb. November, 1986.

41. *Ibid.*

Bank Negara, atau Kementerian Kewangan, atau di seluruh negara supaya kerajaan akan bertindak segera atas tekanan-tekanan tersebut.

Akhbar *Nanyang Siang Pau* juga mengkritik pemimpin DAP termasuk Lim Kit Siang yang sengaja 'membuat kacau' pada hari Mesyuarat Agung MCA sebagai bersikap tidak sopan.⁴² Walau bagaimanapun, akhbar ini berpendapat bahawa desakan pembangkang ini adalah perlu agar pemimpin-pemimpin MCA akan bertindak cepat menyelamatkan pendeposit-pendeposit. Jikalau tiada peranan pembangkang, kemungkinan MCA tidak menghirau langsung masalah Orang Cina ini.⁴³

5.3 Isu Berkaitan Dengan Masyarakat India

5.3.1 Isu Maika Holdings-Telekom Malaysia

Skandal saham Maika Holdings-Telekom Malaysia yang dibongkar oleh pemimpin DAP, Lim Kit Siang pada 14hb. Mei, 1992 telah menggemparkan seluruh masyarakat Malaysia sehingga mengatasi isu Hukum Hudud yang hangat diperbincangkan ketika itu. Lim Kit Siang

42. *Nanyang Siang Pau*, 25hb. November, 1986.

43. *Ibid.*

secara terbuka menuju kaitan isu Maika itu terhadap Menteri Tenaga, Telekom dan Pos, Datuk Seri Samy Vellu. Lim Kit Siang menuduh cara Samy Vellu mengagihkan RM9 juta saham Telekom dari Maika kepada tiga buah syarikat swasta, iaitu SB Management Sdn. Bhd., Clearway Sdn. Bhd., dan Advance Personal Computers Sdn. Bhd. (APC) yang tidak mewakili kepentingan kaum India mempunyai percubaan untuk menipu bukan hanya masyarakat India bawahan tetapi juga kerajaan. Beliau menamakan skandal tersebut sebagai 'pengkhianatan terhadap masyarakat India'.⁴⁴ Akhbar Cina berpandangan bahawa kejayaan Lim Kit Siang dalam membongkar Skandal Maika telah menonjolkan lagi imej hero beliau di kalangan masyarakat India.

Hampir semua akhbar Cina menyokong Lim Kit Siang membongkar skandal ini di dalam dan di luar Parlimen. Akhbar Cina bersetuju dengan desakan Lim Kit Siang agar Samy Vellu digugur daripada kabinet untuk menjaga imej 'bersih' BN dan reputasi baik negara.

China Press, terutamanya telah memberi liputan yang luas dan paling kuat mengecam Samy Vellu. Akhbar ini mengkritik penjelasan Samy Vellu bahawa pengagihan RM9 juta saham Maika kepada tiga syarikat swasta adalah bertujuan untuk mendirikan Kolej Teknik

44. Untuk maklumat lanjut mengenai isu Maika, sila rujuk Lim Kit Siang, *Samy Vellu and Maika Scandal*, Democratic Action Party, Petaling Jaya, 1992.

dan Pendidikan Lanjutan (TAFE) untuk kaum India sebagai satu alasan paling baik yang dapat dicari oleh Samy Vellu.⁴⁵ Jika Samy benar-benar berniat membantu masyarakat India, kenapa beliau tidak memberitahu tujuan sebenarnya sebelum Lim Kit Siang membongkarnya? Seperti yang didesak oleh Lim Kit Siang, Samy Vellu dan Pengarah Maika perlu bertanggungjawab kepada 66,000 pemegang saham Maika yang kebanyakannya adalah buruh estet yang miskin.⁴⁶ Seluruh rakyat Malaysia akan menyokong Lim Kit Siang terus membongkar dan menyiasat skandal tersebut sehingga Samy berupaya mendedahkan hal sebenar yang dapat menyakinkan orang ramai.⁴⁷ Walaupun nampaknya Lim Kit Siang telah keluar tajuk iaitu membahaskan isu Maika ketika sidang Dewan Rakyat sedang membincangkan pemindaan Akta Kebankrapan 1967, namun rakyat Malaysia tetap berterimakasih kepada beliau yang pintar menggunakan taktik atau peluang untuk membahaskan isu ini dalam Parlimen.⁴⁸ Jika tidak, mungkin sehingga kini pemegang saham Maika masih dirahsiakan daripada penyelewengan yang merugikan mereka ini.⁴⁹

45. *China Press*, 17hb. Julai, 1992, 12hb. September, 1992 dan 15hb. September, 1992.

46. *Ibid.*, 16hb. Mei, 1992.

47. *Kwong Wah Yit Poh*, 16hb. Mei, 1992; *Sin Chew Jit Poh*, 6hb. Julai, 1992.

48. *China Press*, 16hb. dan 17hb. Mei, 1992.

49. *Ibid.*

Begitu juga, kewibawaan dan keunggulan Dewan Rakyat telah dipersoalkan oleh akhbar Cina tempatan. Maka itu, tindakan Ong Tee Kiat, Timbalan Yang Dipertua Dewan Rakyat yang telah dua kali bertindak menghalau Lim Kit Siang dari Dewan Rakyat dan menggantung kelayakan beliau daripada menghadiri sidang Dewan Rakyat sehingga 31hb. Disember, 1992 kerana membahaskan isu Maika adalah tidak rasional.⁵⁰ Apa salahnya wakil rakyat membongkar skandal tokoh-tokoh politik dalam Parlimen? Tindakan Ong Tee Kiat ini hanya akan memberi publisiti murah kepada Lim Kit Siang dan menonjolkan lagi imej heronya di kalangan masyarakat Malaysia.⁵¹ Begitu juga ini akan menambah lagi kecurigaan orang ramai bahawa Samy Vellu terbabit dalam skandal tersebut dan kerajaan BN cuba menutupnya.

Sin Chew Jit Poh pula menuduh Samy Vellu dan Lim Kit Siang tidak bertanggungjawab kerana menjadikan Dewan Rakyat sebagai 'padang perang'. Kedua-dua wakil rakyat yang marah-memarahi di antara satu sama lain secara kasar dan tidak bersopan dalam Parlimen telah menjatuhkan maruah serta kewibawaan Parlimen kita.⁵² Samy Vellu menuduh Lim Kit Siang yang terus-menerus memperdebatkan isu Maika di dalam dan di luar Parlimen sebagai 'orang politik gila'

50. *Ibid.*

51. *Ibid.*, 6hb. Julai, 1992.

52. *Sin Chew Jit Poh*, 2hb. dan 4hb. Jun, 1992.

dan orang yang paling bodoh serta mencabar Lim Kit Siang menuduhnya ke mahkamah.⁵³ Samy yang bersikap kasar ini seharusnya berfikir sejenak siapakah sebenarnya yang lebih layak digelar 'orang politik gila'!⁵⁴ Sebagai wakil rakyat, Lim Kit Siang berhak membongkar rahsia ini di dalam Parlimen.⁵⁵

Sebagai rumusan, akhbar-akhbar Cina menyokong Lim Kit Siang dalam isu Maika dan menghentam teruk Samy Vellu bukan kerana Samy Vellu berbangsa India, tetapi rakyat membenci kegiatan rasuah dan penyelewengan orang-orang politik. Akhbar Cina menyokong seruan Lim Kit Siang supaya Badan Pencegah Rasuah (BPR) menyiasat skandal ini secara bebas tanpa dipengaruhi oleh unsur-unsur politik. Akhbar-akhbar Cina berharap Perdana Menteri, Dr. Mahathir yang mempunyai perhubungan rapat dengan Samy Vellu tidak akan campurtangan dalam hal tersebut supaya penyiasatan BPR lebih bebas dan adil.

53. *Ibid.*, 4hb. Jun, 1992.

54. *Ibid.*

55. *Ibid.*

5.3.2. Isu Videotape Luah Vijandran

Skandal videotape seks Vijandran adalah skandal yang berlaku pertama kali dalam sejarah Malaysia. Skandal Vijandran dibongkar oleh salah seorang pemimpin DAP, iaitu Karpal Singh dalam Parlimen pada 10hb. Disember, 1989. Vijandran, bekas Timbalan Yang Dipertua Dewan Rakyat dituduh oleh pemimpin DAP sebagai pembikin dan pelakon utama dalam videotape luah yang dijumpai. Skandal ini terus dibongkar dan diheboh-hebohkan oleh Lim Kit Siang di dalam dan di luar Parlimen sehingga menarik perhatian seluruh rakyat Malaysia. Lim Kit Siang mendesak kerajaan menubuahkan sebuah Jawatankuasa Istimewa Parlimen untuk menyiasat kes tersebut dan melucutkan jawatan Vijandran supaya kelakuan Vijandran yang tidak bermoral ini tidak mencemar atau merosakkan imej dan kewibawaan Parlimen.

Beliau juga mendesak kerajaan menubuahkan sebuah Jawatankuasa Istimewa untuk melucutkan jawatan Peguam Negara, Tan Sri Abu Talib kerana Abu Talib telah menyalahgunakan kuasa dengan memusnahkan 11 pita videotape luah dan kira-kira 2 ribu keping gambar luah yang boleh dijadikan sebagai bukti dalam mahkamah.⁵⁶

Sama seperti isu Maika, hampir semua akhbar Cina memberi

56. Untuk mendapat maklumat lanjut mengenai isu ini, sila rujuk Lim Kit Siang, *Vijandran Pornographic Videotape Scandal II*, Democratic Action Party, Petaling Jaya, 1992.

sokongan kepada pemimpin pembangkang seperti Karpal Singh dan Lim Kit Siang dan kuat menghentam pihak kerajaan yang tidak menyelesaikan kes tersebut dengan memuaskan.

Akhbar *Sin Wan* menyokong Lim Kit Siang yang bercadang supaya kerajaan menu buhkan sebuah Jawatankuasa Istimewa Parlimen yang bebas untuk menyiasat kes ini secara terperinci.⁵⁷ Penyiasatan perlu dijalankan supaya perbuatan tidak bermoral Vijandran itu tidak akan menjasksan nama baik kerajaan BN. Akhbar ini menulis bahawa skandal ini telah menyebabkan DAP menang dari segi publisiti dan meningkatkan lagi reputasi Parti DAP menjelang pilihanraya umum 1990. Menurut akhbar ini lagi, semakin kerajaan cuba memperlambat-lambatkan perbicaraan kes Vijandran, maka ini akan semakin menguntungkan Parti DAP dari segi politik.⁵⁸

Namun, akhbar ini tidak menyetujui sikap pemimpin DAP, terutamanya Lim Kit Siang yang terus-menerus mengheboh-hebohkan Skandal Vijandran tanpa jemu-jemu. Akhbar ini menyatakan bahawa kecaman dan hentaman yang bertalu-talu daripada Lim Kit Siang hanya akan memberi imej kepada orang ramai bahawa pemimpin pembangkang sebenarnya tidak berniat untuk membetulkan perbuatan yang tidak

57. *Sin Wan Press*, 18hb. Disember, 1989.

58. *Ibid.*, 14hb. Januari, 1990.

bermoral ini, tetapi cuma ingin mengaut lebih banyak modal politik untuk kepentingan diri dan parti.⁵⁹ Vijandran yang terbabit dalam skandal seks memang tidak layak lagi memegang jawatan terhormat dalam kabinet, tetapi ini bukan satu isu yang terlalu penting sehingga tidak habis-habis dibahaskan oleh Lim Kit Siang yang langsung mengabaikan persoalan masyarakat lain yang lebih penting lagi.⁶⁰ Adanya tokoh politik yang terlibat dalam berbagai skandal seks bukanlah sesuatu yang ganjil lagi. Cuma Vijandran sahaja yang malang nasibnya dituduh oleh Lim Kit Siang ke mahkamah.⁶¹ Lim Kit Siang dinasihatkan supaya jangan membuang masa lagi berkisar atas perkara yang remeh-temeh atas isu Vijandran dengan musuh politiknya. Sebaliknya beliau harus memperuntukkan lebih banyak masa untuk mengkaji dan memperdebatkan persoalan negara dalam bidang pendidikan, ekonomi dan sosial yang lebih penting lagi.⁶²

Namun begitu, akhbar-akhbar Cina menyokong desakan Lim Kit Siang supaya Vijandran meletak jawatan sebagai Timbalan Yang Dipertua Dewan Rakyat untuk menjaga imej negara. Kebanyakan akhbar Cina berpandangan sama seperti Lim Kit Siang bahawa Vijandran merupakan

59. *Ibid.*, 11hb. Januari, 1990.

60. *Ibid.*; *China Press*, 12hb. Januari, 1990.

61. *Sin Wan Press*, 11hb. Februari, 1990.

62. *Ibid.*; *China Press*, 10hb. Februari, 1990 dan *Sin Chew Jit Poh*, 24hb. Februari, 1990.

pembikin dan pelakon utama dalam videotape seks yang dijumpai oleh Karpal Singh.

Skandal Vijandran mencapai kemuncak apabila pihak polis memusnahkan 11 pita videotape dan kira-kira 2 ribu keping gambar lucah yang merupakan bukti penting mahkamah atas nasihat Peguam Negara, Tan Sri Abu Talib. Seperti yang dikata oleh Lim Kit Siang, tindakan Peguam Negara hanya akan menambah lagi syak-wasangka orang ramai bahawa Vijandran adalah pelakon utama dalam videotape seks dan Kerajaan BN cuba menutupnya.⁶³ Kredibiliti masyarakat umum terhadap kedaulatan dan kewibawaan sistem perundangan kita terjejas berikutan daripada tindakan Abu Talib memusnahkan bukti mahkamah dan ucapan kedua-dua pegawai tinggi kerajaan iaitu Peguam Negara Tan Sri Abu Talib dan Pengarah Jabatan Siasatan Jenayah, Datuk Zaman Khan pada 14hb. Disember, 1989 yang kontradiksi.⁶⁴ Tindakan Abu Talib dan Zaman Khan ini mengelirukan lagi orang ramai terhadap skandal yang membabitkan pemimpin parti komponen BN ini.

Ada pihak menuduh DAP, terutamanya Lim Kit Siang suka 'membuat

63. *Nanyang Siang Pau*, 13hb., 20hb. Januari, 1990 dan 1hb. Februari, 1990; *China Press*, 14hb. Januari, 1990 dan *Sin Chew Jit Poh*, 14hb. Januari, 1990.

64. Peguam Negara memberitahu umum bahawa polis telah memusnahkan videotape dan foto lucah pada bulan Januari, 1989 di Kuala Lumpur. Tetapi Datuk Zaman Khan mengumumkan bahawa pihak polis telah memusnahkan pita seks pada bulan Oktober, 1989 di Johor Bahru. (*Kwong Wah Yit Poh*, 17hb. Januari, 1990).

bising' sahaja. Tetapi siapakah yang memberi peluang kepada pemimpin pembangkang 'membuat bising' jika pihak pemerintah tidak melakukan penyelewengan dan menyalah-gunakan kuasa mereka dalam hal tersebut?⁶⁵ Apa salahnya jika Lim Kit Siang yang 'ghairah' memperbesar-besarkan isu Vijandran itu dapat mendedahkan lagi keadaan sebenar kepada rakyat dan memperbetulkan perbuatan tidak bermoral tokoh politik kita?⁶⁶

Lim Kit Siang yang meminta kerajaan supaya menujuhkan sebuah Jawatankuasa Khas dan bebas untuk menyiasat dan menggugurkan jawatan Abu Talib perlu dipertimbangkan oleh kerajaan agar kedaulatan undang-undang kita akan terpelihara.⁶⁷

Daripada ulasan akhbar didapati bahawa mereka menyokong Lim Kit Siang kerana tidak dapat menerima perbuatan tidak bermoral ahli-ahli politik, bukan kerana mereka bermusuhan dengan kerajaan BN. Kedaulatan dan keadilan undang-undang serta kredibiliti polis turut dipersoalkan akibat daripada kesilapan pegawai-pegawai tinggi kerajaan dalam menyelesaikan kes Vijandran. Majlis Peguam Negara di bawah pimpinan Manjeet Singh Dhillon turut mempersoalkan tindakan Tan Sri Abu Talib yang tidak mengikut undang-undang itu.

65. *China Press*, 2hb. Februari, 1990.

66. *Ibid.*

67. *Ibid.*, 17hb. Januari, 1990.

BAB VI

TEMUBUAL DENGAN LIM KIT SIANG

Setelah melihat sikap dan pandangan akhbar-akhbar Cina tempatan terhadap imej dan kepimpinan Lim Kit Siang sebagai pemimpin pembangkang di dalam dan di luar Parlimen, maka adalah baik mendengar apakah pula pandangan, fikiran dan penjelasan Lim Kit Siang sendiri dalam beberapa hal.

Berikut adalah kandungan temuramah dengan Lim Kit Siang:-

P -- Penulis

LKS -- Lim Kit Siang

YB -- Yang Berhormat

P : Apakah pandangan YB terhadap kebebasan akhbar di Malaysia?

LKS : Tiada kebebasan akhbar langsung! Malahan nampaknya masalah ini telah semakin serius sejak kebelakangan ini. Akhbar Bahasa Melayu dan Inggeris serta media elektronik khususnya langsung tidak melaporkan berita tentang DAP walaupun setiap hari pemimpin-pemimpin kita ada mengeluarkan kenyataan dan memberi pandangan terhadap satu-satu isu utama. Dalam fikiran rakyat seolah-olah DAP itu tidak wujud lagi kerana

tidak dapat membaca berita mengenai DAP. Pendirian, aktiviti harian dan penjelasan DAP atas satu-satu isu tidak diberi liputan yang sewajarnya oleh akhbar-akhbar malahan seringkali di *blackout* oleh pihak pemerintah. Misalnya akhbar *The Star* yang dimiliki oleh Parti MCA hanya membuat laporan berita yang *one-sided* sahaja. Berita mengenai DAP hanya dapat dibaca jika pihak pemerintah mahu menjatuhkan imej DAP dikalangan rakyat atau menghentam DAP melalui akhbar-akhbar harian. Masalah sekatan kebebasan akhbar bukan hanya dihadapi oleh DAP tetapi semua parti pembangkang di Malaysia berhadapan dengan masalah serius ini. Misalnya baru-baru ini Ghafar Baba yang meletak jawatan sebagai Timbalan Presiden UMNO juga menghadapi masalah beritanya di *blackout* oleh pihak berkuasa. Ini adalah bukti konkret betapa seriusnya batasan kebebasan akhbar di Malaysia.

P : Bagaimana pula dengan akhbar Cina tempatan?

LKS : Berbanding dengan akhbar Melayu dan Inggeris serta media elektronik, akhbar Cina adalah lebih terbuka (*open*) walaupun ianya juga dimiliki oleh parti pemerintah. Pada umumnya akhbar Cina lebih terbuka kerana terdapat banyak jenis akhbar Cina di Malaysia yang bersaing di antara satu sama lain. Oleh itu, untuk menarik pembaca mereka mesti memberi ruangan yang lebih besar kepada DAP kerana DAP disokong oleh

rakyat. Misalya pada awal tahun 1980-an wujud persaingan yang amat hebat di antara akhbar *The Star* dan *New Straits Times*, dengan itu lebih banyak berita mengenai DAP dapat dibaca oleh rakyat. Keadaan ini tidak lagi wujud pada masa sekarang kerana sebab-sebab politik. Akhbar di Malaysia juga takut mengkritik kerajaan secara berterus-terang. Walaupun akhbar Cina nampaknya lebih terbuka tetapi kini mereka juga menghadapi berbagai tekanan daripada pihak berkuasa. Misalnya baru-baru ini akhbar *Sin Chew Jit Poh* hampir ditutup kerana membuat laporan yang tidak mengutamakan kepentingan pihak berkuasa.

P : Berhubung dengan kebebasan akhbar, Perdana Menteri (PM) berkata bahawa *absolute freedom can corrupt absolutely*, justeru itu industri persuratkhabaran patut dikawal untuk mengekalkan kestabilan sosial. Adakah YB bersetuju dengan pandangan PM ini?

LKS : Itu adalah pernyataan karut! Tidak ada orang di Malaysia meminta demokrasi mutlak atau kebebasan tidak terbatas daripada kerajaan. Apa yang kita tuntut adalah akhbar yang lebih terbuka dan bertanggungjawab. Kita tidak menafikan tanggungjawab sosial dan menulis apa sahaja mengikut hawa nafsu. Kita juga menghormati undang-undang seperti Akta Hasutan dan Akta Percetakan dan bersetuju menuuhkan sebuah

majlis akhbar untuk mengawal akhbar-akhbar dalam negeri. Tetapi kerajaan BN hanya mahu *one voice* dan *one message* sahaja. Itu yang kita tidak boleh terima. Suratkhabar harus *subject to social responsibility* tetapi bukan *subject to PM's control*. Suratkhabar harus memainkan tanggungjawabnya iaitu membenarkan semua pihak menyatakan fikiran dan pandangan mereka.

P : Akhbar-akhbar harus diberi kebebasan hingga tahap mana? Adakah harus kita mencontohi kebebasan seperti yang dituntut oleh negara Barat?

LKS : Saya bersetuju bahawa kebebasan akhbar perlu ada batasannya yang tertentu. Kita tidak menuntut kebebasan mutlak tetapi sekurang-kurangnya kebebasan akhbar kita harus dipelihara pada tahap 80-85% untuk memperbaiki keadaan kebebasan akhbar kini yang amat rendah iaitu hanya pada tahap 30-35% sahaja. Kebebasan akhbar patut dipulihkan kerana akhbar adalah alat pendidikan sosial yang penting selain dari menjadi alat penyebar maklumat yang utama. Dalam negara demokrasi rakyat berhak mendapat segala maklumat penting supaya mereka boleh membuat satu pilihan yang lebih tepat lagi dalam pilihanraya.

P : Akhbar-akhbar Cina seringkali menuduh YB membangkang mengikut hawa nafsu atau emosi sahaja, atau membantah demi untuk

mempopularkan nama diri dan mengaut modal politik untuk kepentingan diri tanpa menghiraukan kepentingan umum. Apakah pandangan YB terhadap semua tuduhan itu?

LKS : Saudari harus berhati-hati bahawa itu adalah tuduhan MCA, bukan tuduhan akhbar Cina. Ini adalah penting! Oleh kerana akhbar Cina telah dikawal oleh MCA, maka ulasan dalam akhbar boleh dipertikaikan. Saya amat tidak bersetuju bahawa DAP membangkang mengikut emosi sahaja. Jika kita membantah mengikut hawa nafsu sahaja, DAP tidak akan disokong oleh rakyat lebih daripada 20 tahun. *Mata rakyat adalah terang* dan rakyat akan membuat *judgement* yang rasional. Kerajaan boleh 'menipu' dan mengelirukan rakyat dalam 6 atau 7 penggal pilihanraya tetapi tidak boleh selama-lamanya. Akhirnya rakyat akan sedar kepentingan DAP yang sentiasa menyuarakan hasrat dan keinginan mereka kepada pemerintah.

P : Di negara kita, parti pembangkang tiada kuasa sebenar dan tidak berupaya untuk memperbetulkan penyelewengan pentadbiran. Malahan setengah-setengah orang mengutuk bahawa parti pembangkang tidak berperanan atau tiada sumbangan langsung. Adakah YB rasa masih bermakna terus memainkan peranan pembangkang di negara ini?

LKS : Memang benar kita tidak mempunyai kuasa sebenar, kita tidak

boleh menggubal undang-undang dan melaksanakan dasar pembangunan negara. Jika kita mempunyai kuasa, maka DAP hari ini adalah parti pemerintah, bukan lagi parti pembangkang. Bukan hanya di Malaysia sahaja, tetapi parti pembangkang di seluruh dunia juga tiada kuasa sebenar. Namun begitu, ini tidak bermakna bahawa parti pembangkang tidak berperanan langsung. Jika parti pembangkang tidak mempunyai peranannya, DAP tidak akan hidup kukuh dalam arena politik Malaysia. Begitu juga parti pembangkang tidak akan wujud di seluruh dunia. Jika tiada DAP, kerajaan tidak akan menghiraukan langsung suara rakyat yang diperintahnya. Setiap parti politik memang berharap suatu hari nanti akan menjadi parti pemerintah tetapi selain itu, parti pembangkang juga memainkan peranan pentingnya dalam melahirkan keinginan dan hasrat rakyat kepada kerajaan. Jika kerajaan mahu rakyat terus menyokongnya, kerajaan mesti mendengar suara rakyat iaitu mempertimbangkan pendirian pembangkang. Jika tidak, kerajaan akan menghadapi *judgement* rakyat dalam pilihanraya nanti.

P : Apakah peranan Ketua Pembangkang dan syarat-syarat untuk menjadi seorang pemimpin pembangkang?

LKS : Ketua Pembangkang harus berkaliber dalam memimpin anggota-anggota partinya memperjuangkan matlamat politik parti serta menegaskan pendirian parti dalam semua aspek. Ketua

Pembangkang juga harus sentiasa melahirkan hasrat rakyat kepada pihak berkuasa.

P : Mengapa YB mencebur diri dalam politik dan memegang kuat komitmen politik YB iaitu memperjuangkan konsep *Malaysia Untuk Semua Rakyat Malaysia*?

LKS : Saya rasa setiap warganegara mempunyai tanggungjawab untuk menyumbang tenaganya kepada tanahair. Saya berharap dapat memperbetulkan dasar-dasar pemerintahan yang tidak adil demi membentuk sebuah negara Malaysia untuk semua rakyat Malaysia yang lebih ideal, lebih adil dan saksama.

P : Sentimen perkauman masih kuat di dalam masyarakat majmuk ini. Dengan itu, adakah konsep *Malaysia Untuk Semua Rakyat Malaysia* itu boleh direalisasikan? Kita harus mengakui bahawa Orang Melayu tidak akan melepaskan hak dan keistimewaan yang telah lama dinikmati oleh mereka dengan begitu mudah.

LKS : Konsep ini memang tidak dapat direalisasikan dengan serta-merta. Namun, kita mesti terus berusaha gigih ke arah itu.

P : Bagaimana DAP boleh menyakinkan Orang Melayu supaya menerima konsep *Malaysia Untuk Semua Rakyat Malaysia* ini? Sehingga

kini apakah usaha yang telah dilakukan oleh DAP untuk mencapai konsep itu?

LKS : Melalui prinsip, polisi dan pendirian Parti DAP. Ini adalah satu proses pendidikan politik yang mengambil jangka masa yang panjang dan tidak mudah untuk dilaksanakan tetapi mesti dibuat. Selama ini, kita telah berusaha untuk menyatakan pendirian kita terhadap dasar dan pentadbiran kerajaan. Politik adalah *to win the hearts and minds of the people*. Walau bagaimanapun, kita telah menghadapi pelbagai halangan seperti larangan rapat umum, sekatan ke atas ceramah, kebebasan pertubuhan dan lain-lain lagi. Oleh itu, walaupun kita mempunyai *the best message in the world* tetapi adalah sia-sia sahaja jika tidak dapat disebarluaskan kepada umum.

P : Sehingga kini, DAP masih hanya kuat disokong oleh Orang Cina sahaja. Adakah ini bermakna bahawa konsep *Malaysia Untuk Semua Rakyat Malaysia* DAP itu sudah pasti akan menemui kegagalan akhirnya?

LKS : Tidak, PM turut melaung-laungkan slogan *Bangsa Malaysia* dalam wawasan 2020nya. Slogan PM ini telah kita laungkan lebih daripada 20 tahun selama ini.

P : Namun begitu kerajaan belum bersedia untuk menghapuskan hak

dan keistimewaan Orang Melayu?

LKS : Ini membuktikan bahawa peranan DAP adalah penting kerana kerajaan hanya menyeru sahaja tetapi tidak bersedia untuk berusaha ke arah *Bangsa Malaysia*.

P : Orang ramai mendakwa bahawa *Lim Kit Siang adalah DAP dan DAP adalah Lim Kit Siang*. Adakah fenomena ini sihat? Adakah iaanya akan membawa krisis kepimpinan kepada DAP pada masa hadapan?

LKS : Dakwaan ini cuma adalah imej yang direka oleh musuh politik untuk mengelirukan orang ramai. Kalau DAP adalah milikan Lim Kit Siang sahaja, DAP tidak akan berdiri teguh dalam arena politik selama lebih daripada 20 tahun. DAP tidak akan hidup lama jika hanya bergantung kepada tenaga seorang pemimpin sahaja. Parti DAP telah bersama-sama dibangunkan oleh anggota parti dari seluruh negara yang tabah menghadapi cabaran walaupun sentiasa menerima pelbagai tekanan daripada kerajaan BN. Begitu juga jika *Lim Kit Siang adalah DAP dan DAP adalah Lim Kit Siang*, maka kerajaan tidak perlu menangkap berpuluhan orang pemimpin DAP semasa Operasi Lalang tetapi menangkap Lim Kit Siang seorang sudah cukup.

P : Kepopularan DAP dikalangan masyarakat Cina boleh dikatakan

adalah kerana tarikan dan pengaruh Lim Kit Siang. Adakah YB berasa bimbang DAP tidak dapat mencari seorang bakal pengganti yang begitu berwibawa seperti YB selepas YB bersara dari politik?

LKS : Masalah ini tidak timbul sama sekali. Ini adalah akibat tiada kebebasan akhbar di negara ini sehingga rakyat tidak sedar itu sebenarnya adalah muslihat politik kerajaan BN.

P : Setengah-setengah orang berpendapat bahawa DAP mendapat sokongan kuat daripada Orang Cina kerana Orang Cina tidak puas hati dengan penyelewengan dan ketidakadilan pentadbiran kerajaan. Jika Orang Cina dilayan adil oleh kerajaan maka DAP tidak akan disokong oleh Orang Cina lagi. Apakah pandangan YB?

LKS : Masalah bukan hanya kerana penyelewengan pentadbiran tetapi seluruh polisi dan orientasi pembangunan negara perlu dikaji semula. Ya, saya bersetuju bahawa jika kerajaan boleh menerima seluruh polisi dan pendirian DAP, melaksanakan dasar pemerintahan dengan adil maka kewujudan DAP itu tidak penting lagi.

P : Akhbar-akhbar Cina seringkali mengutuk YB mengamalkan pemerintahan diktator dalam DAP, menyingkir dan mengeneplikan

anggota-anggota parti yang berpotensi. Apakah pandangan YB terhadap kritikan-kritikan tersebut?

LKS : Jawapannya sama seperti soalan tadi iaitu jika DAP hanya dimiliki oleh Lim Kit Siang, kerajaan hanya perlu menangkap Lim Kit Siang seorang sahaja semasa Operasi Lalang. Semua tuduhan itu cuma adalah rekaan MCA! Rakyat tidak berani menyokong parti pembangkang secara terbuka kerana takut menghadapi tekanan-tekanan politik. Kerajaan yang sentiasa cuba memujuk, menarik dan 'membeli' anggota-anggota kita menyukarkan lagi perjuangan politik kita. Oleh itu, bukan mudah bagi seorang pemimpin pembangkang berdiri teguh dalam arena politik Malaysia. Banyak parti pembangkang di negara ini menemui kegagalan akhirnya dan tiada satu pun yang boleh hidup lama seperti DAP. Sudah dapat diduga saya akan menjadi sasaran kutukan yang utama dalam hampir semua krisis dalaman parti. Saya tidak pernah memencil dan menyingkirkan anggota parti yang berpotensi. Pemimpin yang meninggalkan parti adalah kerana mereka tidak dapat memelihara dan mempertahankan komitmen politik mereka.

P : Jika bukan kerana YB bersikap diktator, mengapa pemimpin DAP yang berbakat tinggi meninggalkan parti satu demi satu? Misalnya Fan Yew Teng, Chan Teck Chan, Lee Lam Thye dan lain-lain lagi?

LKS : Saudari patut pergi tanya mereka! Misalnya Lee Lam Thye tiada orang yang memaksa beliau meletak jawatan. Saya tidak pernah memaksa beliau meletak jawatan!

P : Lee Lam Thye adalah bekas pemimpin atasan DAP yang amat berpengaruh. Apakah pandangan YB terhadap perletakan jawatan beliau?

LKS : Tiada komen.

P : Penganalisa politik berpendapat bahawa kelemahan kuasa politik Orang Cina di Malaysia adalah kerana wujudnya terlalu banyak parti politik Cina yang berlainan ideologi politik menyebabkan kuasa politik Orang Cina tidak dapat disatupadukan. Apakah pandangan YB?

LKS : Saya tidak bersetuju. Orang Melayu juga mempunyai banyak parti politik seperti UMNO, Semangat 46 dan PAS tetapi mengapa kuasa politik Orang Melayu boleh disatupadukan di bawah UMNO? Pada pilihanraya umum 1982, MCA telah memperolehi kemenangan besar melalui slogan *Satu Bahasa, Satu Budayanya*. Tetapi adakah dengan itu kuasa politik Orang Cina bertambah kuat setelah bersatupadu di bawah MCA? Tidak.

P : Jadi mengapa kuasa politik Orang Cina di Malaysia semakin lemah?

LKS : MCA harus bertanggungjawab ke atasnya! Mereka tidak bersedia untuk memainkan peranan yang sewajarnya dalam kabinet.

P : Adakah MCA seperti yang dituduh tidak berkeupayaan langsung dan tidak jujur dalam mempertahankan hak dan kepentingan komuniti Cina di Malaysia?

LKS : MCA harus bertanggungjawab sepenuhnya ke atas keadaan politik kaum Cina di Malaysia hari ini.

P : Apakah pandangan YB terhadap kepimpinan Dr. Mahathir?

LKS : Beliau boleh dikatakan berpandangan jauh. Tetapi menyentuh tentang isu hak asasi manusia, demokrasi dan masalah rasuah, kepimpinan beliau boleh dipertikaikan. Beliau tidak berusaha bersungguh-sungguh dalam pembasmian rasuah malahan nampaknya masalah ini telah bertambah serius. Perdana Menteri sebagai pemimpin negara mempunyai tanggungjawab yang paling besar. Jika PM sendiri tidak berkeupayaan untuk memimpin orang ramai menyahut seruannya seperti slogan *Bersih, Cekap dan Amanah*, maka kepimpinan beliau boleh dipersoalkan.

P : Apakah wawasan YB terhadap politik masa hadapan Malaysia?

LKS : Pada dasarnya semangat demokrasi yang semakin luput sejak tahun 1980-an patut dipulihkan. Dengan memulihkan dan memelihara semangat demokrasi barulah Malaysia dapat menuju ke arah yang lebih makmur lagi.

P : Selama 20 tahun ini, apakah sumbangan yang telah diberi oleh DAP kepada rakyat dan negara Malaysia?

LKS : Walaupun selama ini kita adalah parti pembangkang, kita tidak boleh membuat undang-undang dan polisi pentadbiran negara, tetapi kita telah berusaha melahirkan hasrat dan keinginan rakyat kepada pihak berkuasa. Selain itu, kita juga sentiasa cuba menghalang kerajaan BN daripada melaksanakan dasar-dasar pentadbiran yang merugikan rakyat jelata.

Temubual dengan YB Lim Kit Siang ini telah dijalankan di Pejabat Ketua Pembangkang, Bangunan Parlimen Malaysia, Kuala Lumpur pada 3hb. November, 1993, jam 4.00 petang. Temubual ini dibuat dan dirakamkan dalam Bahasa Mandarin dan telah diterjemahkan oleh penulis ke dalam Bahasa Malaysia.

BAB VII

KESIMPULAN

Akhbar merupakan alat sebaran am yang mempunyai pengaruh yang amat luas dan mendalam ke atas fikiran orang ramai. Maka tidak menghairankan jika pemimpin-pemimpin baik yang memegang tumpuk pemerintahan mahupun yang baru mencebur i bidang politik akan cuba mengawal akhbar-akhbar *mainstream* tempatan supaya dapat memprojekkan nama diri dan memperkuatkuhan kuasa politiknya. Fenomena ini juga berlaku dalam negara kita dimana akhbar-akhbar harian yang utama masing-masing dimiliki dan dikawal oleh tokoh-tokoh politik.

Memandangkan kebanyakan akhbar-akhbar Cina tempatan di negara ini telah dikawal secara langsung dan tidak langsung oleh tokoh-tokoh politik dari parti pemerintah khususnya, misalnya akhbar *Nanyang Siang Pau* dan *Tong Bao* yang dikuasai oleh MCA, maka adalah sukar untuk menilai kepimpinan dan kejayaan seorang pemimpin melalui laporan dan ulasan akhbar-akhbar, lebih-lebih lagi dalam melihat imej dan kepimpinan seorang pemimpin pembangkang seperti Lim Kit Siang yang merupakan musuh politik ketat kepada pihak pemerintah terutamanya MCA. Tuduhan-tuduhan kepada pihak pembangkang bukan semuanya merupakan tuduhan akhbar tetapi kadang-kala ianya lebih merupakan tuduhan pemilik akhbar yang berkenaan yang ingin mempertahankan kepentingan diri dan partinya. Akhbar-akhbar yang

dikawal tentunya tidak berani membuat ulasan yang bertentangan dengan kepentingan pemilik akhbar atau pihak berkuasa kerana takut ditutup atau dituduh di bawah pelbagai akta yang mengawal ketat kebebasan akhbar.

Justeru itu, kita tidak seharusnya menerima secara bulat-bulat apa yang telah diterbitkan dalam akhbar tetapi harus membuat analisa dan pengkajian yang lebih mendalam dengan merujuk kepada sumber lain daripada suratkhabar seperti buku ilmiah, majalah dalam dan luar negeri yang lebih terbuka dan kritikal. Pandangan, prinsip dan pendirian kedua-dua belah pihak termasuk pihak pembangkang atas satu-satu isu harus diketahui secara teliti supaya tidak mudah dikelirukan oleh ulasan dan kritikan dalam akhbar-akhbar terhadap mana-mana satu pihak sekalipun.

Daripada kajian ini didapati bahawa kebanyakan akhbar Cina tempatan adalah menghargai dan menyokong usaha parti pembangkang terutamanya DAP di bawah kepimpinan Lim Kit Siang dalam mempertahankan keadilan dan demokrasi di negara ini serta keberanian beliau dalam membongkar skandal kewangan dan perbuatan tidak bermoral pemimpin-pemimpin politik kita walaupun Lim Kit Siang juga tidak boleh dielakkan daripada dituduh oleh setengah-setengah akhbar Cina tempatan sebagai membantah mengikut emosi, mengaut modal politik untuk kepentingan diri dan bersikap diktator dalam beberapa ketika. Secara umumnya, Orang Cina menghargai peranan membangkang yang

dimainkan oleh Lim Kit Siang di dalam dan di luar Parlimen. Ini jelas dilihat apabila Lim Kit Siang ditahan dan ditangkap di bawah ISA semasa Operasi Lalang 1987. Kebanyakan akhbar Cina harian berharap kerajaan akan membebaskan segera Lim Kit Siang untuk memulihkan pemerintahan demokrasi di Malaysia. Akhbar *China Press* menulis bahawa *Negara dan rakyat Malaysia memerlukan perjuangan Lim Kit Siang dan seluruh rakyat Malaysia berharap Lim Kit Siang akan keluar dari kem Tahanan Kamunting dengan secepat mungkin.*¹ Akhbar ini juga menulis bahawa Malaysia memerlukan seorang pemimpin politik seperti Lim Kit Siang yang bersikap *without fear or favour*, jujur, berani mengkritik dan tabah menghadapi cabaran.² Akhbar-akhbar Cina umumnya menghargai semangat perjuangan Lim Kit Siang yang tinggi kerana walaupun beliau pernah ditangkap di bawah ISA sebanyak dua kali, tetapi beliau tetap mempertahankan komitmen dan prinsip politiknya. Kualiti kepimpinan Lim Kit Siang ini tidak harus diperkecalkan.

Peranan pembangkang adalah penting untuk menjamin sebuah masyarakat Malaysia yang lebih demokratik, adil dan dinamik. Walaupun parti pembangkang tidak mempunyai kuasa sebenar, iaitu tidak boleh menggubal undang-undang dan dasar pembangunan negara tetapi kehadirannya adalah amat penting. Jika tiada pihak

1. *China Press*, 22hb. April, 1989.

2. *Ibid.*, 20hb. April, 1989.

pembangkang, kerajaan boleh memerintah secara diktator dengan mengabaikan suara atau hasrat rakyat. Justeru itu, rakyat Malaysia terutamanya kaum Cina menyokong Lim Kit Siang dan Parti DAPnya tidak bermakna bahawa kaum Cina tidak menghargai sumbangan kerajaan atau anti-kerajaan, anti-Melayu ataupun bersikap chauvinis dan ekstrim. Tetapi komuniti Cina menuntut sebuah kerajaan Malaysia yang lebih terbuka dan memberi peluang yang samarata kepada semua kaum di negara ini baik dalam bidang pendidikan, ekonomi maupun dalam bidang politik.

Daripada kajian ini juga didapati bahawa masyarakat Cina memerlukan seorang pemimpin baik dari pihak pemerintah ataupun dari pihak pembangkang yang benar-benar jujur dan bertanggungjawab dalam menyelesaikan masalah yang dihadapi oleh komuniti mereka khususnya dan seluruh rakyat Malaysia amnya. Masyarakat Cina tidak akan berdiam diri untuk menghentam dan mengecam pemimpin politik yang bersikap tidak jujur, yang pandai mengheboh-hebohkan isu sahaja untuk publisiti dan nama baik diri tanpa menyelesaikan masalah secara serius dan rasional.

Bibliografi

I : SUMBER UTAMA

A. Akhbar-akhbar dan Majalah-berita.

Berita Harian, The New Straits Times Press, Kuala Lumpur.

China Press, The China Press Bhd., Kuala Lumpur.

Far Eastern Economic Review, Review Publishing Company Limited, Hong Kong.

International Times, International Times Sdn. Bhd., Kuching.

Kin Kwok Daily News, Kin Kwok Daily News Bhd., Kuala Lumpur.

Kwang Min Daily News, Harian Cahaya Kwang Ming Ribao, Kuala Lumpur.

Kwong Wah Yit Poh, Kwong Wah Yit Poh Bhd., Pulau Pinang.

Mister Weekly, Life Publishers Bhd., Petaling Jaya.

Nanyang Siang Pau, Nanyang Siang Pau Sdn. Bhd., Kuala Lumpur.

New Life Post, Life Publishers Bhd., Petaling Jaya.

New Straits Times, The New Straits Times Press, Kuala Lumpur.

See Hua Daily News, See Hua Daily News Bhd., Kuching.

Shin Min Daily News, Shin Min Publishing (M) Sdn. Bhd., Kuala Lumpur.

Sin Chew Jit Poh, Pemandangan Sinar Sdn. Bhd., Petaling Jaya.

Sin Wan Press, Evening Press, Kuala Lumpur.

Sunday Star, Star Publications (M) Bhd., Petaling Jaya.

Sunday Times, The New Straits Times Press, Kuala Lumpur.

Ta Chung Daily News, Berita Awam Sdn. Bhd., Kuala Lumpur.

The Rocket, Democratic Action Party, Petaling Jaya.

The Star, Star Publications (M) Bhd., Petaling Jaya.

Tong Bao, Malayan Thung Pau Daily News Sdn. Bhd., Petaling Jaya.

Utusan Malaysia, Utusan Melayu (M) Bhd., Kuala Lumpur.

Wah Seong Press, Wah Seong Press Bhd., Kuala Lumpur.

B. : Manuskrip dan Kertas Kerja yang Diterbitkan

Nik Abdul Rashid Majid

1988

"Kebebasan Akhbar di Malaysia : Satu Tinjauan Undang-undang" dalam *Seminar Akhbar dan Majalah : Pembinaan Imej dan Pembangunan Malaysia*, anjuran Jabatan Sejarah, Universiti Kebangsaan Malaysia. Bangi, Selangor pada 25hb. dan 26hb. Januari, 1988.

Tan Cheng Lock

1954

A Collection of Speeches and Writings. Tiger Standard Printers. Singapura.

Tan Cheng Lock Papers.

II : SUMBER SEKUNDER

A. Buku

- A. Karim Haji Abdullah
1991 A. Samad Ismail : *Ketokohan dan Kewartawan*.
 Dewan Bahasa dan Pustaka. Kuala Lumpur.
- Barker, Rodney
1971 *Studies in Opposition*. The Macmillan Press
 Ltd. London.
- Chew Hock Thye
1975 *Masalah Perpaduan Nasional*. Dewan Bahasa dan
 Pustaka. Kuala Lumpur.
- Crouch, Harold, Lee Kam Hing & Michael Ong
1980 *Malaysian Politics and the 1978 Election*.
 Oxford University Press. Kuala Lumpur.
- Dahl, Robert A.
1966 *Political Oppositions in Western Democracies*.
 New Haven & London.
- Gomez, Edmund Terence
1991 *Money Politics in the Barisan Nasional*. Forum
 Publications. Petaling Jaya.
- Heng Pek Koon
1988 *Chinese Politics in Malaysia : A History of the
 Malaysian Chinese Association*. Oxford
 University Press. New York.
- Kua Kia Soong
1990 *Media Watch : The Use and Abuse of the Malaysian
 Press*. The Resource and Research Centre.
 Kuala Lumpur.
- Lerner, Daniel & Schramm, Wilbur
1967 *Communication and Change in Developing
 Countries*. East-West Center Press. Honolulu.

- Lim Kit Siang
1986 *Malaysia : Crisis of Identity.*
 Democratic Action Party. Petaling Jaya.
-
- 1990 *Prelude to Operasi Lalang.*
 Democratic Action Party. Petaling Jaya.
-
- 1992 *Samy Vellu and Maika Scandal.*
 Democratic Action Party. Petaling Jaya.
-
- 1987 *Skandal Lebuhraya Utara-Selatan.*
 Democratic Action Party. Petaling Jaya.
-
- 1987 *The 62 Dollar Billion North, South Highway Scandal.* Democratic Action Party. Petaling Jaya.
-
- 1978 *Time Bombs In Malaysia : Problems of Nation Building in Malaysia.* Democratic Action Party. Petaling Jaya.
-
- 1992 *Vijandran Pornographic Videotape Scandal II.*
 Democratic Action Party. Petaling Jaya.
-
- Means, G.P.
1991 *Malaysian Politics : The Second Generation.*
 Oxford University Press. New York.
-
- Mill, J.S.
1910 *On Liberty.* Everyman edition. London.
-
- Milne, R. S. & Mauzy, Diane K.
1992 *Politik dan Kerajaan di Malaysia.*
 (Diterjemahkan oleh Abdul Rauf Mohd. Napis & Ramlah Muhammad). Dewan Bahasa dan Pustaka. Kuala Lumpur.

- Punnet, R. M.
1973 *Front-Bench Opposition : The Role of the Leader
of the Opposition, the Shadow Cabinet and
Shadow Government in British Politics.*
Heinemann. London.

Ratnam, K. J.
1967 *Communalism and the Political Process in Malaya.*
University of Malaya Press. Singapura.

Tan Chee Khoon
1991 *From Village Boy to Mr. Opposition.* Pelanduk
Publications. Selangor.

Ting Chew Peh & Goh Teck
1984 *Krisis MCA : Ujian Prinsip Demokrasi.* Penerbit
Abadi. Negeri Sembilan.

Vasil, Raj
1987 *Tan Chee Khoon : An Elder Statesman.* Pelanduk
Publications. Petaling Jaya.

Yeo Siew Siang
1990 *Tan Cheng Lock : The Straits Legislator and
Chinese Leader.* Pelanduk Publications.
Petaling Jaya.

B. Artikel Jurnal dan Monograf

Democratic Action Party
The Setapak Declaration.

- 1981 DAP Ulangtahun ke-15 (66 - 81). Petaling Jaya.

Hussain Mohamed
1992 "Akhbar, Demokrasi dan Politik Malaysia
Masakini : Beberapa Isu dan Permasalahan."
Jurnal Pengajian Melayu. Jilid 4.
Universiti Malaya. Kuala Lumpur.

Wang Gung Wu
1970

Chinese Politics in Malaya. Chinese
Quarterly. No. 43, Julai / September.

C : Latihan Akademik dan Tesis yang Belum Diterbitkan.

- Ong, Michael
1969 "The DAP of Malaysia : The Case for a Malaysian
Malaysia Restated." M. A. Thesis, La Trobe
University. Melbourne.
- Snider, Nancy L.
1972 "Communalism and the Breakdown of Malayan
Parliamentary Democracy." Thesis Ph. D.,
University California. USA.